



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**SIWANG ASIK, RITUAL KOMUNITI SEMAI, KUMPULAN
BAH LUT DI KAMPUNG BUKIT TERANG,
KAMPAR, PERAK.**

NORLIDA BINTI MOHD JALALUDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (ETNOMUZIKOLOGI)**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Komuniti Semai mempunyai budaya unik yang masih diamalkan sehingga hari ini. Antara budaya yang masih menjadi amalan mereka ialah ritual *siwang*. Namun budaya tersebut semakin terhakis. Terdapat dua jenis *siwang*, iaitu *Siwang Asik* dan *Siwang Kebut*. Fokus kajian adalah untuk melihat dan memahami perkaitan amalan ritual dengan kosmologi Semai atau pegangan kepercayaan mereka. Semai percaya bahawa setiap entiti dalam alam semesta ini mempunyai *ruai*, sama ada yang baik atau jahat. Bagi memujuk *ruai* yang jahat, ritual menjadi amalan Semai. Ritual *siwang* adalah sangat penting dalam kehidupan Semai di Kampung Bukit Terang kerana pegangan kepercayaan mereka. Peranan setiap elemen dalam proses *siwang* dan perubahan *siwang* dalam Kumpulan Bah Lut juga dibincangkan. Kaedah pemerhatian digunakan dalam pengumpulan data semasa kajian lapangan. Dalam pengumpulan data tersebut, penyelidik menemu bual, merakamkan persembahan dan mengambil gambar. Penyelidikan tertumpu kepada *Siwang Asik* Kumpulan Bah Lut di Kampung Bukit Terang yang kini menjadi suatu persembahan budaya mereka. Hasil daripada kajian ini, penyelidik mendapati bahawa amalan ritual *siwang* kini sangat penting sebagai persembahan budaya kepada Semai di Kampung Bukit Terang. Di samping itu, amalan ritual tersebut dapat mewujudkan hubungan yang baik antara Semai dengan alam ghaib dan juga dapat memperkukuh identiti etnik mereka. Perubahan *siwang* juga membuka ruang kepada Kumpulan Bah Lut untuk mengkomersialkan budaya mereka dan seterusnya menjadi suatu produk daya tarikan pelancongan negara.





SIWANG ASIK, RITUAL OF THE SEMAI COMMUNITY, BAH LUT GROUP IN KAMPUNG BUKIT TERANG, KAMPAR, PERAK.

ABSTRACT

The Semai people have a unique culture that is still practised till to date. Among the culture they still practised is called *siwang*. However, the culture is diminishing. The aim of this study is to observe the connection between the Semai ritual and their cosmology or their belief. The Semai believe that every entity in this world is infused with spirits; either good or bad, called *ruai*. To appease the bad spirits, a strongly believed ritual known as *siwang* is performed by the Semai in Kampung Bukit Terang. The role of each element in this ritual process and its changes in the Bah Lut *Siwang* group in Kampung Bukit Terang is discussed. During the field study, observation is used. Series of interviews, video performances and photographs are gathered for the data collection. Focus is given to Bah Lut group's *Siwang Asik* in Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak, which has become their cultural performance. The findings indicate that the *Siwang Asik* ritual has become an essential cultural performance to the Semai in Kampung Bukit Terang. In addition, these ritual practices also create a good relationship between the Semai and the supernatural, furthermore to strengthening their ethnic identity. Changes in *siwang* provide opportunities for the Bah Lut group to commercialise their culture, and further become a tourist attraction in the country.





KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI GAMBAR	xiii
GLOSARI	xvi
ORTOGRAFI	xvii
VIDEOGRAFI	xviii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Penyataan Permasalahan	8
1.3	Tujuan Penyelidikan	11
1.4	Pendekatan Teoritik	12
1.5	Kepentingan kajian	17
1.6	Skop Kajian	19



**Muka Surat**

1.7	Batasan Kajian	19
1.8	Metodologi	21
1.9	Kajian Literatur	27
1.10	Organisasi Kajian	57

**BAB 2 MASYARAKAT ORANG ASLI DI SEMENANJUNG
MALAYSIA**

2.1	Pengenalan	59
2.2	Orang Asli (Era sebelum penjajahan, Era penjajahan dan Darurat)	64
2.3	Statistik Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia	69
2.4	Tiga Kumpulan Utama Senoi, Negrito dan Melayu Proto	73
2.5	Semai	80
	2.5.1 Semai di Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak	83
2.6	Kesimpulan	98

BAB 3 SIWANG

3.1	Pengenalan	101
3.2	<i>Siwang Kebut</i>	109
3.3	<i>Siwang Asik</i>	117
3.4	Peserta <i>siwang</i> dan <i>hala'</i>	
	3.4.1 <i>Hala'</i> dan <i>biduan</i>	120



**Muka Surat**

3.4.2	Penyanyi korus dan pemain <i>centung</i> serta para penari	128
3.5	Penggunaan sumber hutan dalam perlengkapan <i>siwang</i>	133
3.6	Persembahan <i>Siwang Asik</i> Kumpulan Bah Lut di Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak.	143
3.7	Kesimpulan	148

BAB 4 ALAT MUZIK DALAM SIWANG

4.1	Pengenalan	150
4.2	Alat Muzik Yang mengiringi Upacara Ritual <i>Siwang</i>	
	4.2.1 <i>Centung</i>	152
	4.2.2 Gendang	162
	4.2.3 Remana	167
4.3	Kesimpulan	171

**BAB 5 LAGU-LAGU MIMPI SIWANG ASIK KUMPULAN BAH LUT
DI KAMPUNG BUKIT TERANG**

5.1	Pengenalan	173
5.2	Lagu-lagu Mimpi <i>Siwang Asik</i>	
	5.1 Transkripsi Muzik	
	5.2.1 (Lagu Mimpi 1)	175
5.3	Analisis Muzik (Lagu Mimpi 1)	176
	5.2 Transkripsi Muzik	
	5.2.2 (Lagu Mimpi 2)	182



**Muka surat**

5.4	Analisis Muzik (Lagu Mimpi 2)	183
	5.3 Transkripsi Muzik	
	5.2.3 (Lagu Mimpi 3)	187
5.5	Analisis Muzik (Lagu Mimpi 3)	188
5.6	Kesimpulan	193
 BAB 6 PERUBAHAN SIWANG KUMPULAN BAH LUT, KAMPUNG BUKIT TERANG, KAMPAR, PERAK		
6.1	Pengenalan	197
6.2	Faktor-faktor yang memberi impak kepada <i>siwang</i>	
	6.2.1 Penyusutan dan pencerobohan hutan	199
	6.2.2 Pembangunan teknologi moden	200
	6.2.3 Polisi kerajaan	202
6.3	Perubahan elemen-elemen <i>siwang</i>	
	6.3.1 Fungsi	205
	6.3.2 Tempat	212
	6.3.3 Sumber Lagu-lagu Mimpi <i>Siwang Asik</i>	217
	6.3.4 Sumber hutan	218
	6.3.5 Koreografi	228
6.4	Komersialisasi <i>Siwang Asik</i> Kumpulan Bah Lut, Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak	230



**Muka surat**

6.5	Usaha-usaha bagi mempromosikan budaya masyarakat Orang Asli	246
6.6	Kesimpulan	251

BAB 7 KESIMPULAN

7.1	Kesimpulan	254
7.2	Saranan	261

RUJUKAN



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Kategori kaum dan suku kaum Orang Asli.	63
2.2 Jumlah penduduk Orang Asli mengikut kaum utama.	72
2.3 Senoi, lokasi dan populasi.	75
2.4 Bilangan penduduk Semai di Kampung Bukit Terang , Kampar, Perak.	84
3.1 Perbandingan <i>Siwang Asik</i> dan <i>Siwang Kebut</i> .	106
6.1 Undangan Kumpulan Bah Lut.	237





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Subkumpulan Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan kawasannya	71
2.2 Kawasan penempatan Senoi di Semenanjung Malaysia	76
2.3 Kawasan penempatan Negrito di Semenanjung Malaysia	78
2.4 Kawasan penempatan Melayu-Proto di Semenanjung Malaysia	80
3.1 Rumah atau balai <i>siwang</i>	106
3.2 Balai hantu	112
3.3 <i>Balai pusing</i>	113
3.4 Para Peserta <i>Siwang Kebut</i>	117
4.1 <i>Centung</i>	154
4.2 <i>Gendang</i>	165
4.3 <i>Remana</i>	169





SENARAI GAMBAR

No.Gambar	Muka Surat
2.1 Jalan menuju ke Kampung Bukit Terang	85
2.2 Rumah Tradisional	89
2.3 <i>Batin</i> atau Penghulu Kampung Bukit Terang	94
2.4 Dua buah premis perniagaan	96
3.1 <i>Siwang</i>	104
3.2 <i>Hala'</i>	125
3.3 <i>Biduan</i>	126
3.4 Persembahan <i>Siwang Asik</i>	127
3.5 Pelbagai jenis bahan hutan	133
3.6 Bahan hutan	134
3.7 Aksesori	136
3.8 Anyaman daun kelapa	136
3.9 Baju dan tempok	137
3.10 Tempok	138
3.11 Pokok kesumbe	139
3.12.1 – 3.12.4 Proses <i>Ce'nol</i>	140-141
3.13 Persediaan sebelum persembahan <i>siwang</i>	145
3.13 Tatarias wajah	146
3.15 Persembahan <i>Siwang Asik</i>	147
3.16 Kumpulan Bah Lut	148
4.1 <i>Centung</i>	155
4.2 <i>Centung</i>	156
4.3 <i>Centung</i> yang tidak bercorak	156
4.4 <i>Centung</i> di dalam guni	157
4.5 <i>Centung</i> dan kayu	158





4.6	Kumpulan Bah Lut bermain <i>centung</i>	159
4.7	Gendang	164
4.8	Pemain gendang dan <i>centung</i>	166
4.9	Pemain remana Kumpulan Bah Lut	167
4.10	Remana	168
6.1	Klinik Kesihatan Kampar	207
6.2	Bangunan Klinik Kesihatan Kampar	208
6.3	Rumah Pak cik Bah Kang	214
6.4	Persembahan <i>siwang</i> di pentas terbuka di Kuala Woh	215
6.5	Persembahan <i>siwang</i> di pentas tertutup (Dewan Kampar)	215
6.6	Persembahan <i>Siwang Asik</i>	216
6.7	Penggunaan cahaya daripada kuasa elektrik	216
6.8	Tumbuhan perubatan	220
6.9	Tumbuhan hutan	221
6.10	Tempok	222
6.11	Tempok dihiasi bunga plastik	223
6.12	Rantai buah karril	224
6.13	Tatarias muka	225
6.14a	Kostum <i>siwang</i> wanita	226
6.14b	Kostum <i>siwang</i> lelaki	227
6.15	Bentuk pergerakan tarian <i>Siwang Asik</i>	229
6.16	Bentuk pergerakan tarian <i>Siwang Asik</i>	229
6.17	Bentuk pergerakan tarian <i>Siwang Asik</i>	230
6.18	Persembahan <i>Siwang Asik</i>	238
6.19	Persembahan <i>Siwang Asik</i>	239
6.20	Persembahan <i>Siwang Asik</i>	239
6.21	Persembahan <i>Siwang Asik</i>	240
6.22	Persembahan <i>Siwang Asik</i>	240
6.23	Persembahan <i>Siwang Asik</i>	241





6.24	Persembahan <i>Siwang Asik</i>	241
6.25	Persembahan <i>Siwang Asik</i>	242
6.26	Tempat Persembahan <i>Siwang Asik</i>	242
6.27	Kumpulan Bah Lut	243
6.28	Pesta Seni Orang Asli	243
6.29	Malam Gala Fesyen	244
6.30	Persembahan <i>Siwang Asik</i> di Muzium Negara	244
6.31	Persembahan <i>Siwang Asik</i> Kumpulan Bah Lut	245
6.32	Persembahan <i>Siwang Asik</i>	245





GLOSARI

<i>Awat nengro</i>	Awat bermaksud buluh. Sejenis buluh yang diguna untuk membuat <i>centung</i> .
<i>Biduan</i>	Pembantu <i>hala'</i> yang kadang kala terdiri daripada isteri <i>hala'</i> sendiri. Biduan membantu <i>hala'</i> semasa proses pengubatan.
Bunga mengi	Bunga tahi ayam
<i>Cenes</i>	Tempurung kelapa
<i>Ce'nol</i>	tatarias muka
<i>Hala'</i>	Panggilan atau gelaran bagi bomoh kaum Semai di Kampung Bukit Terang.
Buah karriil	Buah yang terdapat di tepi sungai dan buah ini dijadikan hiasan (rantai/ kalung). Rantai ini dipakai oleh peserta <i>siwang</i> semasa persembahan.
Kesumbe	Buah yang berwarna merah, diguna untuk menghias corak pada muka para peserta <i>siwang</i> .
<i>Kijai</i>	Sejenis kemenyan dari hutan
<i>Mencaci</i>	Menari dengan rentak perlahan
<i>Naksik Berenlis</i>	Pemutus ubat setelah sembuh sakit
<i>Ngkuu</i>	Makhluk halus
<i>Nyanik</i>	Hantu dan syaitan
<i>Poyang/puyang</i>	Bomoh/ <i>hala'</i>
<i>Siwang Kebut</i>	Upacara ritual untuk mengubati penyakit.
<i>Siwang Asik</i>	Upacara ritual untuk tujuan hiburan, menyambut tetamu dan tanda kesyukuran.





ORTOGRAFI

1. Tanda koma di atas (‘) digantikan dengan huruf konsonan *k* jika menutup suku kata. Contoh:

ce’nol jadi *ceknol*

ben’gu jadi *benkgu*

2. Tanda koma di atas (‘) digantikan dengan huruf konsonan *k* jika menutup suku kata. Contoh:

Hala’ jadi *halak*

3. Huruf *e* digunakan untuk melambangkan fonem

- (i) Fonem *e pepet* yang ditulis secara fonetik /ə/

Contoh: *cəknol*

cəntung

k əbut

k əmənyan

awat nəngro

məncaci

- (ii) Fonem *e taling* yang ditulis secara fonetik /e/

Contoh: *sewang*





VIDEOGRAFI

1. CD 1 – Video Lagu Mimpi 1, 2 dan 3

2. CD 2 – Lagu Mimpi 1

(i) Keratan 1 (1K1)

(ii) Keratan 2 (1K2)

(iii) Keratan 3 (1K3)

Lagu Mimpi 2

(i) Keratan 1 (2K1)

(ii) Keratan 2 (2K2)

(iii) Keratan 3 (2K3)

(iv) Keratan 4 (2K4)

Lagu Mimpi 3

(i) Keratan 1 (3K1)

(ii) Keratan 2 (3K2)

(iii) Keratan 3 (3K3)





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Masyarakat Malaysia mengamalkan pelbagai agama dan sistem kepercayaan. Animisme ialah sistem kepercayaan yang tertua, diikuti dengan agama Hindu, Buddha, Kristian, Islam, Sikh, Konfuciusme, Confucius dan Tao (Ahmad Tarmizi Talib, Sarjit Singh Gill dan Nazri Muslim, 2013:182). Setiap masyarakat di negara ini mempunyai kepercayaan dan nilai masing-masing. Kepercayaan ini menjadi pegangan turun-temurun bagi sesetengah ahli masyarakat.

84% masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia termasuk Semai masih mengamalkan kepercayaan animisme dan juga adat resam serta ritual mereka (Lim Hin Fui, 1997:55). Begitu juga di Sabah, kaum Kadazan-Dusun, Murut dan





beberapa kaum minoriti lain juga masih mengamalkan kefahaman animisme. Animisme ialah sistem kepercayaan masyarakat Orang Asli di Afrika dan Amerika Utara sebelum kedatangan agama Kristian yang kemudiannya turut diamalkan oleh golongan peribumi di Asia Tenggara.

Penganut animisme percaya terhadap kewujudan semangat atau roh serta kuasa luar biasa pada setiap entiti hidup dan bukan hidup (Ahmad Tarmizi Talib, Sarjit Singh Gill dan Nazri Muslim, 2013:182). Sementara Ahmad Redzuwan, (2008:21), menyatakan bahawa animisme adalah suatu kepercayaan tentang wujudnya roh atau semangat pada sesuatu yang bernyawa atau tidak bernyawa. Kamus Oxford Fajar (2000:59) pula mendefinisikan animisme sebagai suatu kepercayaan bahawa semua benda dan gejala tabii seperti pokok, batu, angin mempunyai semangat.

Mengikut Norazit Selat (1994:254), sebelum kedatangan Islam masyarakat Melayu juga mengamalkan kepercayaan animisme. Alam ini dipenuhi dengan pelbagai makhluk halus dan semangat baik serta jahat yang membawa pelbagai bencana atau kebaikan kepada manusia. Masyarakat Melayu dahulu percaya bencana yang menimpa mereka adalah disebabkan semangat atau makhluk halus. Oleh sebab itu, semangat atau makhluk halus perlu dirayu, dibelai dan dipujuk melalui khidmat bomoh atau pawang supaya tidak mengganggu manusia.





Masyarakat Melayu mempunyai pelbagai kaedah perubatan tradisional berasaskan kepercayaan animisme seperti perbomohan dan upacara ritual yang diwarisi secara turun-temurun. Amalan perubatan tradisional Melayu yang melibatkan ritual adalah seperti Dabus, Ulik Mayang, Main Puteri, Mek Mulung dan Kuda Kepang (Nor Aqidah, Mardiana Idayu, Darlina dan Haron, 2013).

Perubatan tradisional Melayu adalah bertujuan untuk menyembuhkan penyakit yang disebabkan oleh semangat jahat. Main Puteri, adalah antara upacara perubatan tradisional Melayu yang popular di timur Semenanjung Malaysia dan masih diamalkan sehingga kini. Mengikut Ghulam Sarwar (1994:158) Main Puteri adalah berasaskan sistem kepercayaan Melayu lama, berasal daripada animisme. Dalam sistem kepercayaan ini, penyakit adalah disebabkan oleh semangat yang hilang atau semangat yang lemah. Asal usul Main Puteri mempunyai perkaitan yang jelas dengan ritual pengubatan masyarakat Orang Asli di Malaysia.

Upacara Main Puteri diadakan bukan sahaja untuk mengubati penyakit bahkan juga sebagai hiburan. Main Puteri diketuai oleh seorang bomoh yang dipanggil Puteri Teri dan pembantu beliau, Tok Mindok. Ritual ini diiringi dengan alat muzik yang terdiri daripada gendang, rebab, gong dan simbal. Persembahan Main Puteri bermula selepas waktu isyak dan berakhir pada jam 1.00 pagi. Sehelai kain yang dipanggil lelangit akan dihiasi dengan pelbagai bunga berwarna terang dan berbau harum. Tujuannya adalah untuk menarik perhatian makhluk ghaib. Tarian Main Puteri ditarikan dalam gaya yang berulang-ulang. Pengulangan ini memberikan





kesan hipnosis termasuk muzik yang mengiringi tarian tersebut. Perubahan fizikal dan psikologi terhadap bomoh tersebut menandakan kehadiran roh. Bomoh tersebut akan rebah secara melutut di hadapan pemain rebab dan interaksi berlaku antara roh tertentu dengan bomoh. Lazimnya interaksi antara Tok Mindok dengan roh pendamping berakhir dengan persetujuan kedua-dua belah pihak. Tok Mindok akan menyediakan pelbagai pemberian. Selain tarian, muzik dan dialog, bomoh juga akan menyedut roh daripada si pesakit untuk tujuan kelegaan. Upacara pemujaan Main Puteri adalah penting untuk tujuan menyembuhkan penyakit.



Ritual Kadazan Panampang di Sabah berasaskan seni persembahan ritual *monogit* (Hanafi Hussin, 2006). Ritual ini diadakan dua atau tiga tahun sekali atau apabila seseorang ahli komuniti tersebut sakit. Ritual ini diadakan sebagai menghormati roh penjaga rumah, *miontong*. Ritual ini diketuai oleh bobohizan dalam jangka masa tiga hingga empat hari. Persembahan ritual *monogit* yang menggabungkan elemen-elemen seni persembahan seperti paluan gandang, sompugogungan dan tarian sumazau yang merupakan bahan penting dalam ritual Kadazan Panampang. Paluan gandang dan sompogogungan mengundang kehadiran semangat untuk hadir menyertai upacara ritual.

Tarian sumazau pula bertindak sebagai hiburan kepada semangat agar ritual tersebut diterima. Apabila semangat telah berpuas hati, semangat akan memulangkan semua roh atau semangat manusia yang telah dilarikan oleh mereka. Selain itu, penyakit juga dapat dipulihkan. Seni persembahan yang menjadi ritual dianggap suci





kerana melibatkan kepercayaan dan pegangan adat. Alat muzik gandang dipercayai mempunyai semangat dan paluannya dapat menyegerakan perhubungan manusia dengan semangat.

Bagi Temiar, ritual diadakan untuk tujuan mengubati penyakit. Temiar juga percaya bahawa semua entiti seperti manusia, haiwan, tumbuhan dan bukit bukau mempunyai roh. Roseman (1984) dalam *Healing Sounds from Malaysian Rain Forests* membincangkan peranan bunyi dalam sistem perubatan Temiar. Temiar mempunyai hubungan akrab dengan hutan. Mereka percaya bahawa hutan membawa dan mengubati penyakit. Bagi Temiar, *ruai*¹ di kepala dan di hati bagi setiap entiti adalah terkawal. Akan tetapi apabila *ruai* tersebut dikejutkan, *ruai* akan keluar bebas sebagai agen penyakit. Apabila berlakunya penyakit, hanya sesuatu yang berasal daripada sumber yang sama atau yang mempunyai ilmu, kuasa dan kekuatan boleh bertindak terhadapnya. Agen-agen penyakit datang dari gunung, buah, sungai, atau batu.

Roh pendamping atau *gunik*² akan membantu *hala'* melalui ritual untuk mendiagnosis dan mengubati pesakit. Lagu-lagu mimpi dinyanyikan dalam upacara ritual menjadi laluan yang menghubungkan *gunik*, *hala'*, korus dan pesakit. Nyanyian

¹Lihat Nicholas, Tijah and Tiah (2003). Semai menganggap *ruai* ialah roh yang terdapat pada objek hidup (manusia, haiwan), alam semula jadi (sungai, batu) dan juga fenomena alam (guruh, kilat). *Ruai* mungkin ada yang baik dan ada yang jahat, yang baik akan memberikan hasil yang lumayan atau kejayaan, sementara yang jahat akan membawa malang serta penyakit.

²Sila rujuk Nicholas, Tijah, Tiah (2003), *Gunik* akan datang kepada *hala'* apabila lagu mimpi dinyanyikan. Dengan bantuan *gunik*, *hala'* akan dapat mendiagnosis penyakit dan seterusnya mengubati pesakit tersebut.





diiringi hentakan buluh oleh penyanyi korus wanita. *Hala'* boleh mengenal pasti punca penyakit lalu mengubatnya menerusi gabungan ilmu dan penglihatan *gunik* semasa mimpi serta semasa dalam keadaan bersawai. Bunga-bunga dan dedaun yang berbau harum digunakan sebagai alatan dan perhiasan bagi menarik kehadiran roh ke upacara ritual.

Mek Mulung juga merupakan ritual perubatan masyarakat Melayu di utara Semenanjung Malaysia yang menggabungkan elemen bercerita, nyanyian, lakonan dan tarian. Menurut Mohd Luthfi dalam Jurnal Sosiohumanika (2011), persembahan Mek Mulung yang asal dan asli bukan hanya bersifat persembahan, tetapi juga melibatkan ritual perubatan. Ritual perubatan akan bermula pada jam 12.00 tengah malam, iaitu selepas selesai persembahan peringkat pertama yang melibatkan nyanyian, tarian, muzik dan lakonan.

Ritual yang dipanggil berubat dalam persembahan Mek Mulung ialah bahagian persembahan yang penting kepada pemain Mek Mulung. Ritual Mek Mulung melibatkan proses pemujaan dan 'menurun'. Perkataan 'menurun' bermaksud memasukkan roh nenek moyang ke dalam tubuh seseorang. Ritual tersebut merupakan penghubung antara mereka dengan roh nenek moyang yang dipanggil dewa-dewa. Dewa-dewa tersebut dianggap sebagai pelindung daripada bencana. Mereka percaya dewa-dewa tersebut akan turun dan merawat pesakit-pesakit di kampung tersebut semasa ritual Mek Mulung.





Alat-alat muzik, iaitu gendang dan gong yang dimainkan perlu diperasapkan dengan kemenyan supaya diri para pemain Mek Mulung dilindungi daripada makhluk halus yang jahat. Selain itu, tumbuhan seperti seikat bunga kelapa dan bunga pinang juga disediakan untuk merangsang kehadiran roh nenek moyang ke upacara ritual tersebut (Mohd Luthfi, 2011). Di samping itu, buyung-buyung berisi air turut disediakan untuk tujuan mandi demi kesihatan dan kesegaran tubuh. Ritual Mek Mulung akan selesai sehingga awal pagi apabila dewa-dewa keluar daripada badan pemain-pemain Mek Mulung.



Mengikut Mohd. Luthfi (2011), Mek Mulung bukan sahaja memancarkan unsur animisme bahkan sedikit unsur Hindu Buddha dan Islam. Namun begitu, ritual Mek Mulung lebih merupakan kesan animisme, iaitu kepercayaan kepada semangat dan penunggu. Orang Melayu dahulu percaya kepada hantu, semangat dan penunggu semenjak muncul animisme sebagai amalan kepercayaan mereka.

Antara contoh ritual yang dibincangkan, iaitu perubatan Main Puteri, perubatan dalam kalangan Kadazan, Temiar dan Mek Mulung, jelas bahawa amalan ritual dalam kalangan mereka adalah sangat penting dalam kehidupan sebagai penyembuh penyakit dan juga hiburan. Semai di Kampung Bukit Terang juga mengamalkan ritual *siwang* untuk menyembuhkan penyakit dan juga sebagai hiburan. Amalan ritual perlu diadakan kerana kehadiran pelbagai makhluk halus atau semangat atau roh di persekitaran mereka. Semangat atau roh yang baik akan melindungi mereka, sementara yang jahat perlu dineutralkan (Ghulam Sarwar, 1992:172).





1.2 Penyataan Permasalahan

Pegangan asas sistem kepercayaan tradisional Semai di Kampung Bukit Terang membawa mereka kepada amalan ritual. Kebanyakan Semai di perkampungan Bukit Terang mengamalkan animisme. Hal tersebut terbukti apabila 167 daripada 217 Semai di Kampung Bukit Terang masih mengamalkan animisme. Melalui temu bual dengan informan, kepercayaan ini telah diwarisi turun-temurun daripada nenek moyang mereka lagi.

Semai di Kampung Bukit Terang percaya bahawa roh yang baik dapat membantu kehidupan mereka, sementara roh yang jahat akan membawa bencana.

Mengikut Nicholas, Tijah dan Tiah (2003:47), roh terdiri daripada yang baik dan yang jahat. Roh yang baik akan memberikan hasil yang lumayan, sementara roh yang jahat akan membawa penyakit dan malang. Oleh sebab itu, upacara ritual merupakan cara yang paling baik untuk memujuk dan membelai roh agar tidak membawa bencana (Norazit Selat, 1994:254).

Selain itu penyelidik juga meneliti proses *siwang* dalam kalangan Semai di Kampung Bukit Terang melalui Kumpulan Bah Lut. Mereka akan mengadakan *siwang* bagi tujuan mengubati penyakit dan juga sebagai hiburan atau pemutus ubat. Terdapat dua jenis *siwang* yang menjadi amalan Semai, iaitu *Siwang Kebut* dan *Siwang Asik*. *Siwang Kebut* diamalkan apabila komuniti di perkampungan tersebut jatuh sakit, meneroka tanah baharu, selepas bersalin, selepas kematian dan





membersihkan kampung selepas dilanda bencana. Sementara *Siwang Asik* dipersembahkan untuk tujuan hiburan, menyambut tahun baru, menyambut tetamu dan sebagai tanda kesyukuran kepada roh tertentu yang memberikan rezeki. Ritual dijalankan oleh bomoh yang dipanggil *hala*³. Kini *Siwang Asik* dipersembahkan oleh Kumpulan Bah Lut sebagai persembahan budaya Semai.

Ritual *Siwang Asik* dan *Siwang Kebut* menggabungkan elemen muzik, nyanyian dan tarian. Muzik diiringi dengan hentakan *centung*, iaitu sepasang tiub buluh. Hentakan *centung* akan membantu proses mempercepat kehadiran roh tertentu ke upacara ritual tersebut. Alat muzik remana atau rebana juga dimainkan dalam ritual *Siwang Asik* untuk memeriahkan suasana. Kelengkapan *hala*³ untuk ritual seperti tumbuhan yang berbau wangi, kostum dan alat muzik adalah sangat penting bagi membantu menjayakan dan melicinkan proses pelaksanaan ritual *siwang*. Tumbuhan yang berbau wangi serta muzik membantu merangsang kehadiran roh pendamping.

Elemen tarian dan muzik sangat penting dalam ritual Semai. Tarian dalam ritual *Siwang Kebut* diiringi dengan hentakan *centung*, sementara *centung* dan remana akan mengiringi tarian dalam *Siwang Asik*. Para penari terdiri daripada lelaki dan wanita Semai, lazimnya gerak-geri tarian dalam bentuk bulatan, berserta iringan vokal. Para penari akan memegang ikatan daun mengkuang yang telah kering sebagai

³ Rujuk Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia (1984). *Hala*³ dieja dengan menggunakan tanda koma, tanda koma di atas (') digantikan dengan huruf konsonan *k* jika menutup suku kata.





menghormati roh atau *ruai*. Pergerakan kaki dan ayunan tangan adalah berasaskan rentak *centung*.

Alat muzik yang diperbuat daripada buluh, iaitu *centung* dan remana yang diperbuat daripada kayu akan menghasilkan bunyi yang berulang-ulang secara berterusan. Kedua-dua tiub buluh yang berbeza saiz dihentak secara berselang-seli bagi menghasilkan timbre yang tertentu. Nyanyian *hala'* dan korus bersifat berbalas-balas. Melodi berasaskan motif melodik tertentu diulangi dengan pelbagai variasi akan menghasilkan muzik yang bersifat iteratif. Pukulan remana dan *centung* secara serentak dalam *Siwang Asik* berfungsi untuk memeriahkan suasana.



Perubahan masa juga membawa perubahan kepada *siwang*. Semai di Kampung Bukit Terang bukan sahaja mengalami perubahan gaya hidup bahkan juga aspek amalan. Amalan ritual untuk tujuan pengubatan semakin berkurangan. Menerusi Kumpulan Bah Lut, amalan ritual *siwang* lebih menjurus kepada bentuk hiburan atau persembahan budaya. Struktur pergerakan tarian juga mengalami perubahan untuk menarik perhatian audiens.

Kesimpulannya, Semai di perkampungan Bukit Terang masih mengamalkan dan mengekalkan ritual *siwang* walaupun gaya hidup mereka mengalami perubahan. Kewujudan alam ghaib di persekitaran mereka akan memberikan kesan kepada kehidupan harian, justeru mereka akan terus bersiwang. Menerusi temu bual dengan informan, mereka pasti akan bersiwang walaupun tiada undangan persembahan.





Hubungan mereka dengan alam ghaib mesti berada dalam keadaan baik untuk terus hidup harmoni.

1.3 Tujuan Penyelidikan

Dalam tesis ini, penyelidik memberikan tumpuan kepada *Siwang Asik* yang kini menjadi suatu persembahan budaya Semai di Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak. *Siwang* menjadi amalan turun-temurun dalam kalangan Semai Kampung Bukit Terang. Mereka mempunyai kumpulan *siwang* yang dipanggil Kumpulan Bah Lut. Muzik yang dipersembahkan oleh Semai ialah muzik ritual yang dipanggil *sewang*⁴.

Upacara ritual ini mempunyai perkaitan dengan sistem kepercayaan, gaya hidup tradisional dan adat resam Semai.

Tujuan penyelidikan ini adalah

1. Untuk menerangkan kosmologi Semai di Kampung Bukit Terang atau amalan kepercayaan yang membawa kepada amalan ritual dalam kalangan mereka menerusi Kumpulan *Siwang* Bah Lut.
2. Untuk mengenal pasti proses ritual *Siwang Asik* dalam kalangan Semai di Kampung Bukit Terang (Kumpulan Bah Lut).

⁴Ejaan *sewang* adalah berdasarkan rujukan bahan penulisan oleh penulis-penulis lain. Namun begitu, masyarakat Semai di Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak menyebut *siwang*. Penyelidik menggunakan ejaan dan sebutan *siwang* dalam kajian ini.





3. Untuk meneliti peranan dan ciri-ciri muzik serta tarian *siwang* Kumpulan Bah Lut.
4. Untuk membincangkan impak perubahan terhadap amalan *siwang*, termasuk muzik dan tarian.

1.4 Pendekatan teoritikal

1.4.1 Definisi Konseptual

Bagi membincangkan upacara ritual *siwang*, pendekatan Blacking (1976:3-33) diteliti.

Mengikut Blacking, muzik ialah bunyi yang disusun atur oleh pola organisasi manusia. Hubungan pola organisasi manusia dengan pola penghasilan bunyi adalah sebagai akibat daripada interaksi terancang. Blacking mengambil contoh suku kaum Venda di Transvaal Utara, Afrika. Kebanyakan muzik suku kaum Venda adalah untuk tujuan tertentu dan persembahannya merupakan petunjuk kepada aktiviti kumpulan sosial. Klasifikasi muzik dalam kalangan suku kaum Venda adalah berasaskan konteks sosial. Muzik dan nama lagu yang dipersembahkan adalah sama, perbezaannya hanyalah dari aspek rentak, tempo dan konteks sosial.

Pendekatan Kaeppler (2000) diguna untuk membincangkan tarian dalam ritual *siwang*. Mengikut Kaeppler, pergerakan dari sudut pandangan ahli antropologi, merangkumi semua sistem pergerakan yang berstruktur, termasuk yang berkaitan dengan keagamaan, ritual, upacara, hiburan, seni mempertahankan diri, isyarat





bahasa, sukan dan permainan. Semua sistem pergerakan ini adalah sebagai akibat daripada proses kreativiti yang dimanipulasi, berkaitan dengan kemahiran pergerakan badan dalam masa dan ruang yang tertentu. Pemahaman sesuatu pergerakan sebagai tarian haruslah melibatkan struktur, gaya, maksud dan setiap individu perlu mengenal pasti pergerakan tersebut.

Bagi membincangkan ritual *siwang*, pendekatan Turner (1972) juga diteliti. Beliau membincangkan ritual dalam kalangan Ndembu, iaitu suku kaum di Afrika. Mengikut Turner, ritual ialah aktiviti stereotaip yang dipersembahkan secara berturutan. Ritual melibatkan pergerakan, pertuturan dan objek. Ritual terdiri daripada simbol, dipersembahkan atau dijalankan ditempat yang sunyi dan dirancang untuk mempengaruhi entiti dari alam ghaib. Perkataan simbol ritual berasaskan perkataan petunjuk jalan, ada sesuatu yang dapat menunjukkan jalan kepada manusia dan menjadikan sesuatu itu dapat dilihat. Sesuatu yang tersembunyi, kemudian dapat dilihat merupakan konsep yang sangat mempengaruhi Ndembu.

Bagi Ndembu, warna ialah simbol penting dalam ritual. Dalam analisis Turner, simbol ritual membawa pelbagai maksud, daripada tahap konkrit hingga ke abstrak. Sebagai contoh, pokok *mudyi* merupakan simbol ritual, getah putih yang keluar daripada torehan kulit pokok tersebut dalam kosmologi Ndembu dianggap sebagai susu ibu. Pokok *mudyi* yang terdapat tidak jauh dari perkampungan Ndembu menjadi pusat ritual. Pokok tersebut kaya dengan simbol dari aspek perkataan, objek dan perbuatan.





1.4.2 Model Etnomuzikologi

Seterusnya bagi memahami muzik ritual ini, pendekatan Merriam (1964), iaitu kajian muzik dalam budaya turut dibincangkan. Merriam mencadangkan kajian muzik dari aspek sosial, budaya, psikologi dan estetika yang merangkumi enam aspek, iaitu alat-alat muzik, lirik lagu, klasifikasi muzik, peranan dan status pemuzik, fungsi muzik yang berkaitan dengan aspek budaya yang lain serta muzik sebagai kreativiti.

Kajian muzik dalam konteks budaya terbahagi kepada dua bahagian, iaitu penyelidik melihat tingkah laku muzikal, konsep muzik dan proses menghasilkan stail muzik. Kedua, penyelidik cuba mengaitkan stail muzik dengan aspek budaya lain, proses tingkah laku manusia lain dan sejarah (Tan, S.B., 2002:47). Tingkah laku muzikal ialah pergerakan anggota badan untuk menghasilkan bunyi. Konsep muzik, iaitu pandangan masyarakat terhadap muzik, kepentingan muzik kepada masyarakat, penyertaan dan ‘siapakah yang menjadi pemuzik’?, menentukan tingkah laku muzikal yang akan mempengaruhi muzik yang dihasilkan. Dengan mempelajari stail muzik, konsep dan tingkah laku serta penghasilan ciptaan, kita dapat mengetahui dan memahami tentang kelangsungan dan perubahan budaya tersebut.

Analisis muzik dan alat-alat muzik juga dapat membantu dalam pembinaan semula sejarah budaya dan perhubungan masyarakat dengan masyarakat pada zaman dahulu. Di samping itu, seseorang penyelidik juga dapat mendefinisikan kawasan





muzik secara historikal yang mempamerkan kesamaan dalaman (Tan, S.B., 2002:50). Kajian muzik dalam budaya juga membantu penyelidikan terhadap perubahan muzik.

1.4.3 Teori Ritual

Teori tentang Ritual, Turner (1972) dalam 'Symbols in African Ritual' diperincikan lagi untuk membincangkan ritual *siwang* dalam kalangan Semai di Kampung Bukit Terang. Turner mengemukakan bahawa simbol ritual merupakan unit terkecil dalam ritual yang mengandungi makna daripada tingkah laku tertentu. Simbol tersebut juga merupakan unit asas daripada struktur khusus dalam konteks ritual. Struktur tersebut bersifat semantik, iaitu berkaitan dengan hubungan antara petunjuk dengan simbol dan objek yang mempunyai ciri-ciri berikut, iaitu multivokal, polarisasi makna, unifikasi yang menampakkan perbezaan makna dan *condensation* (pelbagai makna).

Ritual lazimnya dipersembahkan dalam bentuk pusingan masa secara tahunan, dua kali setahun atau lima kali setahun. Namun begitu, jika krisis tiba-tiba berlaku, maka ritual akan diadakan. Turner menjelaskan bahawa ritual bukan sahaja berkaitan dengan simbolik bahasa tetapi juga pelbagai siri tindakan yang dipersembahkan oleh para peserta ritual. Ritual melibatkan kuasa dan simbol. Sebagai contoh, apabila sesuatu bahan digunakan untuk mengubati pesakit, maka kuasa digunakan, tetapi jika bahan yang sama mewakili ide atau perasaan, maka aspek simbolik digunakan.





Bagi memahami ritual, perkaitan hubungan makna dengan simbol yang lain, dan pegangan masyarakat tersebut perlu diambil kira. Turner melihat makna ritual daripada ahli masyarakat itu sendiri. Hal sedemikian merupakan dimensi penting dalam mengungkap makna ritual. Turner menganalisis makna simbol dalam ritual melalui

1. Dimensi *exegetic* dalam ritual

Penerangan dan kepentingan maksud ritual oleh para peserta ritual sendiri.

2. Dimensi operasional dalam ritual

Makna diperoleh penyelidik melalui pemerhatian dan rakaman proses ritual, sifat tingkah laku serta perasaan para peserta dalam ritual

3. Dimensi *positional* dalam ritual

Makna diperoleh penyelidik dengan mengaitkan simbol yang terdapat dalam ritual dengan simbol-simbol lain yang terdapat dalam masyarakat dan budaya.

Turner turut membincangkan hubungan mitos dengan ritual. Hal sedemikian menjelaskan asal usul tuhan, kosmologi, jenis manusia dan kumpulan, serta kepentingan budaya dalam masyarakat tersebut.

Turner (1995) dalam *The Ritual Process: Structure and Anti-Structure* membincangkan upacara ritual (*rites of passage*). Dalam ritual Ndembu, Turner menyedari kepentingan *liminality*. Konsep *liminality* merupakan suatu jambatan





penghubung, iaitu yang tidak berstruktur, bersifat transisi dan fasa tanpa klasifikasi merupakan pencerminan daripada pandangan beliau mengenai upacara dan keagamaan. *Liminality* yang dianggap ketaksaan dan ketidakpastian diekspresi dengan pelbagai simbol dalam masyarakat yang mengutamakan ritual dan transisi budaya. Dalam fenomena *liminality*, yang penting ialah cara-cara masyarakat tersebut mengadunkan kerendahan, kesucian, kesamaan dan kesetiaan.

Terdapat dua model utama tentang hubung kait, keakraban dan pilihan manusia. Pertama masyarakat yang berstruktur, berbeza dan lazimnya bersifat hirarki. Kedua masyarakat yang muncul dalam jangka waktu *liminal*, tidak berstruktur, tidak dapat membezakan atau mempunyai hak individu yang sama. *Liminality* membawa kepada keadaan yang dipanggil *communitas*, berasaskan hubungan kesamaan dan perpaduan. *Communitas* memperoleh maksud melalui dekonstruksi kelaziman norma. Turner menyatakan bahawa *communitas* merupakan dasar visi budaya. Namun begitu, *liminality* dan *communitas* lazimnya bersifat sementara, stukturanya jelas dan terbatas.

1.5 Kepentingan Kajian

Tajuk ‘Ritual *Siwang* Kumpulan Bah Lut Di Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak’ dipilih kerana amalan ritual ini semakin pupus ditelan dek zaman. Hal tersebut terbukti apabila amalan tersebut semakin kurang diamalkan oleh komuniti Semai di





perkampungan tersebut. Ritual *siwang* agak sukar bertahan dalam era globalisasi ini, terutama dari aspek fungsi dan sosial. Fungsi asal *siwang* dalam kalangan Semai ialah mengubati penyakit, namun kini amalan ini semakin berkurangan kerana terdapat pelbagai alternatif perubatan yang lebih canggih dan berkesan. Penglibatan generasi muda Semai juga tidak menggalakkan. Dari aspek sosial, Semai di perkampungan tersebut terdedah kepada pelbagai hiburan yang lebih menarik.

Pelbagai pilihan hiburan menunjukkan budaya Semai diresapi oleh pengaruh luar. Dengan itu, penyelidik merasakan bahawa kajian ini juga penting didokumentasikan dan disimpan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli. Penyelidikan ini boleh menjadi sebagai satu dokumentasi budaya yang boleh dijadikan rujukan oleh generasi muda Semai dan Orang Asli amnya. Selain itu, *siwang* juga berpotensi menjadi produk pelancongan negara yang dapat membantu menjana pendapatan negara.

Di samping itu, penyelidik berpendapat bahawa dokumentasi ini dapat membantu Semai dalam usaha mereka untuk mengenal pasti identiti etnik melalui budaya *siwang*. Selain itu, secara tidak langsung membantu mereka memperjuangkan hak milik tanah adat yang diduduki sejak turun-temurun. Jika budaya ini tidak didokumentasikan, kemungkinan besar generasi muda Semai dan Orang Asli tidak mengenali budaya sendiri. Di samping itu, bahan rujukan tentang budaya masyarakat Orang Asli terutama *siwang* juga agak sukar diperolehi.





1.6 Skop Kajian

Kajian ini berkaitan dengan amalan ritual *siwang* Semai oleh Kumpulan Bah Lut di Kampung Bukit Terang. Ritual *siwang* tertumpu kepada *Siwang Asik* yang kini menjadi suatu persembahan budaya dan juga sebagai hiburan. *Siwang Asik* menggabungkan elemen muzik, vokal dan tarian. Amalan ritual *siwang* terus kekal dalam kalangan Semai di kampung ini kerana amalan ini berkaitan dengan sistem kepercayaan yang menjadi pegangan hidup, gaya hidup tradisional serta adat resam mereka. Selain itu, peranan dan ciri-ciri muzik *siwang* turut dibincangkan. Perubahan masa turut memberi impak terhadap amalan *siwang* terutama dari aspek fungsi dan tarian. Aspek-aspek di atas dibincangkan dalam bab tertentu dalam kajian ini.



1.7 Batasan Kajian

Beberapa batasan kajian telah ditetapkan bagi memudahkan pelaksanaan kajian. Kajian ini tertumpu kepada Kumpulan *Siwang* Bah Lut di Kampung Bukit Terang. Pemilihan lokasi adalah kerana kumpulan ini aktif bersiwang di kampung tersebut dan juga di luar kawasan. Kumpulan Bah Lut sering diundang untuk mengadakan persembahan budaya di luar kawasan Kampar, Perak.





Penyelidik mentranskripsikan tiga buah repertoire sahaja kerana lagu-lagu mimpi yang dinyanyikan oleh *hala'* dan kumpulan tersebut dalam setiap persembahan adalah sama. Dalam persembahan, lazimnya dua buah lagu mimpi akan dinyanyikan oleh *hala'*. Dalam merakamkan persembahan kumpulan ini, perkara yang paling sukar adalah untuk mendapat rakaman yang berkualiti dan tidak diganggu oleh pelbagai halangan seperti gangguan bunyi bising di persekitaran. Daripada tiga buah repertoire, dua buah repertoire dirakam semasa Festival Buluh dan satu lagi di pekarangan halaman rumah Pak cik Bah Kang. Merakamkan audio dan video di tempat terbuka menyebabkan kualiti rakaman adalah kurang baik.



Menterjemahkan lirik lagu mimpi juga agak sukar kerana sebutan *hala'* kurang jelas dan liriknya bersifat suku kata yang tidak membawa maksud (kepada penyelidik). Apabila diminta untuk menterjemahkan lirik selepas nyanyian, prosesnya agak sukar. Hal tersebut kerana lagu mimpi tersebut dinyanyikan oleh *gunik* (seperti dakwaan *hala'*) bukan diri beliau. Beliau hanya dapat memberitahu perkaitan lagu mimpi dengan *gunik* tertentu.

Merakamkan sesi temu bual dengan informan juga adalah sukar, terutama dalam jangka masa yang lama. Kadang kala, informasi tersebut bersifat berulang-ulang atau informan tidak menjawab soalan. Hal tersebut mungkin kerana informan kurang memahami kehendak soalan penyelidik. Data temu bual disusun atur semula dengan memastikan informasi yang penting dapat dianalisis.





1.8 Metodologi

1.8.1 Kajian lapangan

Reka bentuk kajian kualitatif ini ialah penyelidikan etnografi. Penyelidikan kualitatif adalah satu proses inkuiri untuk memahami masalah sosial atau masalah manusia, berdasarkan gambaran yang menyeluruh dan kompleks, melalui pandangan informan yang mendalam serta dijalankan dalam keadaan sebenar dan semula jadi (Creswell dalam Othman Lebar, 2009:9). Matlamat kajian ini adalah untuk memahami realiti sosial individu, kelompok dan budaya.



Kajian ini merangkumi disiplin kajian lapangan dan makmal. Kawasan pilihan penyelidik ialah Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak. Kajian melibatkan Semai, iaitu subkumpulan masyarakat Orang Asli, Senoi. Pemilihan kampung adalah kerana kumpulan ini aktif *bersiwang*. Selain itu, mengikut Nettl (1964), adalah lebih baik untuk membataskan projek kajian kerana seseorang penyelidik yang baik seharusnya mempelajari pelbagai aspek muzik dalam budaya tersebut.

Bagi menyelidik suatu budaya yang agak asing, komitmen dan kesabaran adalah sangat penting. Hubungan yang baik dengan masyarakat Semai di perkampungan Sungai Odak, Tapah, Perak menyebabkan penyelidik tidak putus hubungan. Beberapa tahun mengenali masyarakat ini menjadikan penyelidik lebih bersifat terbuka terhadap budaya mereka, justeru mereka juga menerima kehadiran





penyelidik dan suami dengan baik. Melalui Pak cik Bah Deh, penyelidik mengenali informan Pak cik Bah Kang.

Pada tahun 2006, penyelidik dan suami berkunjung ke perkampungan Bukit Terang dengan bantuan Pak cik Bah Deh. Untuk sampai ke perkampungan tersebut, kami terpaksa melalui kawasan perkampungan orang Melayu. Kawasan perkampungan masyarakat Semai di Kampung Bukit Terang berbukit dan berbatu besar. Sementara di sebelah kanan penempatan mereka ialah hutan tebal menuju ke kawasan air terjun



Apabila kami tiba, kami memperkenalkan diri kepada Pak cik Bah Kang. Pada masa yang sama, sebuah keluarga masyarakat Tionghua juga berada di rumah Pak cik Bah Kang. Penyelidik hanya memerhati dan mengambil kesempatan untuk berbual-bual dengan salah seorang daripada ahli keluarga Tionghua tersebut. Mereka datang berjumpa dengan Pak cik Bah Kang untuk mendapatkan bantuan. Daripada perbualan tersebut, penyelidik mendapat tahu bahawa Pak cik Bah Kang ialah seorang *hala'* yang aktif mengamalkan ilmu perubatan masyarakat Orang Asli.

Pada hari pertama agak sukar untuk berbual-bual secara santai kerana kehadiran tetamu dari jauh dan dekat untuk datang berubat. Pada hari berikutnya, penyelidik mengambil kesempatan untuk berbual-bual tentang hal keluarga dan memerhati alam persekitaran. Penyelidik juga mendapat tahu daripada jiran-jiran di





perkampungan Melayu bahawa masyarakat Semai di kampung tersebut sering mengadakan persembahan *siwang* di kawasan lapang di pekarangan rumah mereka.

Walaupun penyelidik mula mendaftar sebagai pelajar Sarjana Kedoktoran pada tahun 2011, sebenarnya penyelidik sudah biasa dengan keluarga Pak cik Bah Kang. Pada tahun 2007 sehingga 2009, penyelidik sering berulang-alik ke kawasan perkampungan Bukit Terang dalam usaha untuk memahami budaya dan melihat persembahan mereka.

Pada bulan Disember, tahun 2010 penyelidik dan suami berpeluang menyambut Tahun Baru bersama-sama Semai di Kampung Bukit Terang. Dari awal pagi sehingga tengah malam penyelidik melihat dan membantu persiapan yang dibuat di rumah Pak cik Bah Kang. Di samping itu, penyelidik juga perlu mencari rakan interaktif bagi membantu penyelidik menjawab beberapa persoalan. Hal tersebut kerana, ada ketikanya Pak cik Bah Kang tidak memahami soalan yang diajukan. Selain itu, beliau juga sibuk apabila para tetamu datang untuk berubat. Bah Long dan Bah Johan menjadi rakan interaktif yang sangat penting kerana kedua-dua boleh berbahasa Melayu dengan baik dan terdedah kepada dunia luar.

Bagi mempelajari sesuatu budaya yang berbeza, penyelidik melihat dan mendengar serta cuba memahami dengan hati yang terbuka. Apabila yakin, penyelidik menyatakan hasrat sebenar kehadiran penyelidik dan suami kepada Bah Long, iaitu anak sulung Pak cik Bah Kang. Bantuan daripada Bah Long dan saling





memahami antara satu sama lain adalah sangat penting kepada penyelidik. Daripada pengalaman bersama-sama keluarga Pak cik Bah Kang, mereka sebenarnya bimbang tujuan penyelidik adalah untuk mempengaruhi pegangan hidup yang telah menjadi amalan turun-temurun. Mereka menyuarakan ketidak puashatian terhadap mubaligh-mubaligh Kristian yang sering mengunjungi kampung tersebut. Sikap terbuka yakni boleh menerima pendirian mereka memudahkan perbualan antara penyelidik dengan masyarakat Semai di kampung tersebut serta perbualan antara penyelidik dengan *Batin*.

Penyelidik mula mengumpul data, mentranskripsi, menganalisis dan mengkaji muzik dalam budaya. Selain itu, penyelidik turut mengadakan hubungan yang baik dengan komuniti yang dikaji. Seterusnya penyelidik melakukan pemerhatian dan mengumpulkan data. Penyelidik juga menggunakan kaedah pemerhatian. Kaedah pemerhatian merupakan kaedah utama yang sangat penting dalam penyelidikan kualitatif (Osman Lebar, 2009:109). Dalam penyelidikan kualitatif, teknik yang terbaik apabila aktiviti, peristiwa atau situasi boleh diperhati secara langsung. Penyelidik menggunakan kaedah pemerhatian yang melibatkan situasi, kejadian, interaksi, dan tingkah laku di lapangan.

Penyelidik juga mempunyai keupayaan dan pengetahuan dalam budaya komuniti yang dikaji. Beberapa kunjungan bersiri dalam jangka masa yang pendek secara berterusan sepanjang kajian akan dilakukan. Penyelidik akan merakamkan muzik dalam konteks sebenar dan membawa pulang ke makmal. Kaedah temu bual





secara tidak formal dan spontan dengan informan serta komuniti Semai di kawasan kajian juga akan dijalankan. Oleh itu, penyelidik menggunakan peralatan pita rakaman, kamera video, dan kamera digital.

Selain pemerhatian, penyelidik juga menjalankan temu bual dengan informan dan Semai di persekitaran penempatan tersebut terutama yang tinggal berdekatan dengan rumah Pak cik Bah Kang. Temu bual dijalankan dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat khusus. Mengikut Othman Lebar (2009:134), temu bual ialah sumber utama yang digunakan untuk memahami fenomena yang dikaji dalam kajian kualitatif. Penyelidik menggunakan temu bual semi berstruktur dan tidak berstruktur.

Temu bual penyelidik dengan informan dirakam dengan menggunakan pita rakaman.

Di samping itu, kadang kala penyelidik juga merekodkan perbualan antara penyelidik dengan informan secara bertulis.

1.8.2 Transkripsi

Lagu ritual yang dirakamkan akan dibawa balik untuk tujuan transkripsi. Penyelidik akan mendengar lagu, kemudian mendengar sebahagian daripada lagu beberapa kali sebelum menotasikan dengan huruf di atas kertas dengan pensel. Kemudian transkripsi tersebut akan dipindahkan pada kertas manuskrip. Penyelidik menotasikan bahagian iringan dahulu, iaitu rentak yang dihasilkan oleh hentakan *centung*, diikuti dengan bahagian melodi. Penyelidik akan mentranskripsikan bahagian melodi secara





frasa demi frasa sehingga selesai. Transkripsi lagu-lagu mimpi Semai menggunakan sistem notasi manual. Hanya pic-pic yang jelas kedengaran melalui rakaman dinotasikan.

Penyelidik menggunakan sistem notasi barat dalam mentranskripsi lagu-lagu mimpi tersebut. Sistem notasi barat ialah cara terbaik untuk menganalisis dan mentranskripsi muzik kerana sistem notasi ini diketahui umum (Nettl, 1964:128). Transkripsi muzik merupakan cara terbaik untuk seseorang sarjana mempelajari stail muzik sesuatu budaya secara terperinci.



1.8.3 Data sekunder

Selain itu, penyelidik juga menjalankan penyelidikan kepustakaan, iaitu bahan-bahan bertulis dari perpustakaan Jabatan Kemajuan Orang Asli di Gombak, perpustakaan awam di Tapah, Ipoh dan Taiping, perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris serta Universiti Sains Malaysia. Penyelidik juga memperoleh bahan sumber daripada pamflet dan buletin Nong Pai serta risalah yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli. Artikel daripada majalah dan akhbar turut menjadi sumber rujukan penyelidik. Di samping itu, sumber digital juga menjadi sumber rujukan penyelidik.





1.9 Kajian Literatur

Ambrosius dan Agus melalui artikel Ritual Marapu di Masyarakat Sumba Timur (2014) membincangkan kepercayaan masyarakat Sumba Timur dalam ritual Marapu. Masyarakat tersebut menggunakan ritual sebagai perantara untuk memuja Maha Pencipta Tertinggi. Bagi masyarakat Sumba, upacara ritual merupakan wadah untuk menjalin hubungan yang harmonis antara alam ghaib dengan manusia. Untuk menghubungi roh nenek moyang atau roh lain, masyarakat Sumba akan mengadakan pelbagai upacara ritual termasuk penyediaan tempat dan bahan-bahan yang diperlukan untuk ritual.



Kepercayaan Marapu berasaskan zaman megalitik. Mereka percaya bahawa nenek moyang yang telah meninggal dunia tidak akan pergi untuk selama-lamanya. Mereka hanya berpindah tempat dari alam nyata ke alam akhirat. Kepercayaan ini telah diwarisi turun-temurun. Masyarakat Sumba percaya bahawa roh-roh yang baik akan memberikan perlindungan kepada mereka. Sebaliknya, jika roh-roh tersebut tidak disembah, mereka akan ditimpa malapetaka.

Masyarakat Sumba percaya bahawa upacara ritual Marapu yang dijalankan oleh Ratu akan senantiasa memelihara dan menjaga mereka. Pemujaan terhadap Marapu telah membentuk sistem kepercayaan masyarakat Sumba yang bersifat animisme. Semasa upacara ritual Marapu diadakan para peserta memakai pakaian khusus dan alat muzik dimainkan untuk mengiringi nyanyian serta tarian. Sistem





kepercayaan yang sama, iaitu animisme menyebabkan kedua-dua masyarakat ini (Sumba dan Semai) mempunyai persamaan dengan mengamalkan ritual agar hubungan manusia dengan alam ghaib berada dalam keadaan harmonis.

Sounds of Australia: Aboriginal Popular Music, Identity and Place oleh J Jun Wu (2014) membincangkan usaha-usaha masyarakat Asli Australia dalam mengekalkan hak milik mereka dan identiti budaya. Pada lewat abad ke-20, Australia telah pun mengiktiraf hak masyarakat Asli Australia. Dalam usaha mendapatkan pengiktirafan daripada kerajaan Australia, muzik popular kontemporari oleh artis-artis masyarakat Asli Australia menjadi semakin penting sebagai satu cara untuk memberikan pandangan dan menyedarkan masyarakat Australia tentang kewujudan golongan tersebut.

Muzik menyediakan suatu *platform* kepada artis-artis masyarakat Asli Australia unruk meluahkan penentangan mereka terhadap penjajah kolonial dan kuasa berdaulat. Jun Wu menggunakan pendekatan etnomuzikologi. Muzik bukan sahaja disebarkan dari aspek kandungan (lirik) bahkan dari aspek sosial, ekonomi dan politik. Penulis menjurus kajian kes kepada tiga kaum Asli Australia, iaitu Bleckbala Mujik, Warumpa Band dan Yothu Yindi. Menerusi kajian terhadap tiga kaum tersebut, penyebaran luas muzik popular kontemporari masyarakat Asli Australia dilihat dengan jelas sebagai mekanisme yang boleh memberikan kesedaran dan pengetahuan tentang perjuangan masyarakat Asli Australia terhadap pengiktirafan serta hak mereka.





Roseman dalam *Garland Encyclopedia of World Music* (1998) memberikan informasi tentang kepercayaan dan upacara ritual serta muzik Temiar. Temiar dan Semai ialah masyarakat Orang Asli daripada kaum Senoi. Temiar mengamalkan sistem kepercayaan animisme, iaitu sistem kepercayaan berasaskan roh. Mereka percaya setiap entiti di dunia mempunyai roh. Melalui upacara ritual, mereka boleh mempengaruhi, menenangkan dan menarik perhatian roh untuk memberikan khidmat yang baik kepada manusia.

Muzik memainkan peranan penting untuk memuja dan memanggil roh tertentu. Temiar menyanyikan lagu ritual yang diiringi dengan hentakan buluh dan penyanyi korus. Upacara ritual melibatkan nyanyian, muzik dan tarian yang diketuai oleh pawang atau bomoh yang dipanggil *hala*.

Roseman (1984) dalam *Healing Sounds from Malaysian Rain Forests* membincangkan peranan bunyi dalam sistem perubatan Temiar. Temiar mempunyai hubungan akrab dengan hutan. Mereka percaya bahawa hutan membawa dan mengubati penyakit. Bagi Temiar, *ruai* di kepala dan di hati bagi setiap entiti adalah terkawal. Akan tetapi apabila *ruai* tersebut dikejutkan, *ruai* akan keluar bebas sebagai agen penyakit. Apabila berlakunya penyakit, hanya sesuatu yang berasal daripada sumber yang sama atau yang mempunyai ilmu, kuasa dan kekuatan boleh bertindak terhadapnya. Agen-agen penyakit datang dari gunung, buah, sungai atau batu.





Melalui mimpi, *ruai* sesuatu entiti seperti bunga akan membebaskan diri dan muncul dalam bentuk manusia kerdil, sama ada lelaki atau perempuan. Dia akan bercakap kepada *ruai* kepala si mimpi yang sedang merayau-rayau. Kemudian dia mula menyanyi. Roh pendamping atau *gunik*⁵ menyanyi sebaris, diikuti dengan si mimpi. Keupayaan menerima lagu-lagu daripada *ruai* dan memperlihatkan *gunik* semasa menyanyi serta berada dalam keadaan bersawai semasa upacara ritual, mengiktirafkan beliau sebagai *hala'*.

Lagu-lagu mimpi dinyanyikan dalam upacara ritual menjadi laluan yang menghubungkan *gunik*, *hala'*, korus dan pesakit. Nyanyian diiringi hentakan buluh oleh penyanyi korus wanita. *Hala'* boleh mengenal pasti punca penyakit lalu mengubatnya menerusi gabungan ilmu dan penglihatan *gunik* semasa mimpi serta semasa dalam keadaan bersawai. Bunga-bunga dan dedaun yang berbau harum digunakan sebagai alatan dan perhiasan bagi menarik kehadiran roh ke upacara ritual (Roseman, 1984). Situasi yang sama juga berlaku kepada Semai kerana mereka mengamalkan sistem kepercayaan yang sama.

Artikel Perayaan Kaum Temiar: *Sewang* Pantang oleh Nurul Nadiah (2014) turut membicarakan masyarakat Orang Asli Temiar. Penulis memperkenalkan kaum Temiar dan mendefinisikan masyarakat Orang Asli secara keseluruhan dalam permulaan artikel. Beliau membincangkan pelbagai jenis *sewang* yang terdapat dalam

⁵Sila rujuk Nicholas, Tijah, Tiah (2003), *Gunik* akan datang kepada *hala'* apabila lagu mimpi dinyanyikan. Dengan bantuan *gunik*, *hala'* akan dapat mendiagnosis penyakit dan seterusnya mengubati pesakit tersebut.





masyarakat Temiar, iaitu *sewang* kematian, perubatan dan kesyukuran. Masyarakat Temiar berpegang kepada kepercayaan animisme, mereka percaya semua benda mempunyai roh atau semangat.

Beliau turut membincangkan kelengkapan yang perlu disediakan sebelum upacara *sewang* diadakan di balai *sewang*. Antaranya ialah alat muzik, para penari, penyanyi dan material tertentu seperti tumbuh-tumbuhan serta air akar. Alat muzik yang dimainkan dalam upacara *sewang* masyarakat orang Asli Temiar ialah *centung* buluh, gendang dan gong. Mengikut penulis, amalan *sewang* dalam kalangan Orang Asli Temiar jarang-jarang diadakan akibat daripada arus kemajuan teknologi di Malaysia. Fungsi *sewang* yang diamalkan oleh masyarakat Orang Asli Temiar adalah sama dengan masyarakat Orang Asli Semai. Situasi yang sama, yakni ritual untuk tujuan pengubatan juga semakin kurang diamalkan oleh Semai di Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak sebagai akibat daripada arus pembangunan.

Carey (1976), *Orang Asli The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, bersifat diskriptif. Buku ini terbahagi kepada empat bahagian, terdiri daripada diskripsi Negrito, Senoi, Melayu-Proto dan masyarakat Orang Asli dalam dunia moden. Bahagian dua banyak memberikan informasi tentang Senoi dari aspek pembahagian subkumpulan kaum, struktur sosial, ekonomi, pertanian, kepercayaan dan magis serta budaya.





Senoi merupakan masyarakat Orang Asli yang terbesar. Mengikut Carey, Senoi dahulu dikenali sebagai *sakai*. Namun begitu, perkataan tersebut menimbulkan ketidakpuashatian mereka. Majoriti Senoi tinggal di kawasan hutan pedalaman. Mereka mengamalkan sistem kepercayaan berasaskan roh, iaitu animisme. Mereka percaya objek bukan hidup seperti pokok, batu dan alam semula jadi mempunyai roh. Kepercayaan mereka diperkukuh dengan kehadiran dan kedudukan *halak*.

Carey lebih memberikan penjelasan tentang Temiar. Kaum Asli lelaki akan diiktiraf sebagai *halak* apabila dia mengalami dan memperoleh beberapa siri mimpi. Lazimnya si mimpi akan bertemu dengan haiwan liar terutamanya harimau dalam mimpi. Harimau akan mempelawa si mimpi untuk menjadi *halak*. Sebagai balasan, si mimpi perlu membuat perjanjian dengan roh haiwan tersebut yang dipanggil *gunig*. *Halak* merupakan perantara antara manusia dengan alam ghaib bagi memerangi roh jahat, mengubati penyakit dan mengukuhkan semangat kaum tersebut.

Tarian memainkan peranan penting dalam kehidupan spiritual Temiar dan Semai. Tarian diadakan selepas waktu tengah malam, diiringi dengan nyanyian. *Halak* akan mengetuai upacara tersebut. Mengikut Carey, nyanyian *halak* adalah daripada mimpi, bukannya digubah.

Majoriti Senoi bergantung pada hutan. Segala keperluan mereka dibekalkan oleh hutan persekitaran. Buluh merupakan hasil hutan yang amat penting bagi Senoi.





Aktiviti perburuan merupakan aktiviti harian Senoi untuk memperoleh sumber bekalan makanan. Hubungan masyarakat Orang Asli dengan hutan adalah akrab.

Kenali kami masyarakat Orang Asli di Malaysia (2003), Abdul Talib Bon (Editor) memuatkan topik tentang pengenalan Orang Asli, bentuk muka bumi, budaya, tradisi dan peradaban, sosio-ekonomi, amalan dan kepercayaan, pendidikan serta implikasi kemajuan teknologi terhadap masyarakat Orang Asli. Skop kajian ialah masyarakat Orang Asli di sepanjang laluan dari Tanah Rata, Cameron Highland sehingga ke Kampung Lanai, Kuala Lipis, Pahang.



Masyarakat Orang Asli Semai di perkampungan tersebut menganuti pelbagai jenis agama, iaitu animisme, Islam, Kristian dan Bahai. Kini, amalan upacara ritual mereka termasuk perkahwinan, kelahiran dan kematian adalah berbeza, bergantung pada agama yang dianuti oleh mereka. Akan tetapi kebanyakan daripada mereka masih mengamalkan sistem kepercayaan berasaskan roh, iaitu animisme. Mereka percaya setiap objek di persekitaran mereka mempunyai roh. Oleh sebab itu, mereka amat menekankan hubungan baik dengan alam semula jadi atau hutan. Kepercayaan terhadap alam ghaib mempengaruhi kehidupan Semai di tujuh buah perkampungan, iaitu Kampung Sungai Ruil, Pos Menson, Habu, Leria, Pinang, Nyintel dan Kampung Lanai.

Hanya Semai di Pos Menson dan Kampung Pinang yang kesemua penduduknya mengamalkan animisme. Kampung-kampung lain telah dipengaruhi





oleh agama Islam atau Kristian. Tok *hala'* amat penting dalam kalangan Semai dan mereka percaya *hala'* mempunyai kuasa istimewa yang dapat mengubati penyakit serta berinteraksi dengan alam ghaib.

Amran Kasimin (1995) *Agama dan Peradaban Sosial di kalangan penduduk Asli di Semenanjung Tanah Melayu* (terjemahan Padilah Haji Ali) membincangkan evolusi budaya bermula daripada kepercayaan animisme dalam kalangan Orang Asli (orang Ulu) dan juga orang Melayu. Penyelidik memperoleh informasi tentang asal usul penduduk terawal di Semenanjung Tanah Melayu yang terdiri daripada tiga kumpulan etnik utama, iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto. Selain itu, beliau turut membincangkan sistem kepercayaan kaum Asli, orang Ulu yang mempunyai persamaan dengan Semai.

Orang Ulu juga dikenali sebagai Jakun. Jakun mengamalkan animisme, iaitu kepercayaan berasaskan roh. Orang Ulu Johor percaya batu-batan yang besar, pokok, sungai dan gunung didiami oleh pelbagai jenis semangat. Mereka percaya ada semangat jahat dan ada semangat baik. Semangat baik akan menjaga mereka, tanaman dan kampung halaman. Kadang kala semangat baik turut membawa bencana jika semangat tersebut disakiti. Kepercayaan ini menjadikan Orang Ulu menghormati alam semula jadi.

Kepercayaan kepada semangat atau roh adalah penting bagi Orang Ulu untuk memahami penyakit. Penyakit yang disebabkan oleh kemarahan roh hanya dapat





disembuhkan oleh seorang bomoh atau pawang. Beliau merupakan individu penting dalam kalangan Orang Ulu. Pawang atau bomoh akan mengenal pasti semangat yang menyebabkan penyakit. Pawang akan berhubung dengan semangat dan cuba memujuk semangat agar meninggalkan badan pesakit tersebut melalui upacara ritual. Kepercayaan animisme dan ritual begitu menebal di kawasan pedalaman. Apabila penyakit telah sembuh, si pesakit akan dikenakan bayaran yang dipanggil pulang paku buah keras. Jika pesakit gagal membayar pengkeras tersebut, pawang akan jatuh sakit.

Walaupun kedua-dua subkumpulan orang Asli ini berbeza dari aspek fizikal, bahasa dan cara hidup, tetapi mereka mempunyai persamaan dari aspek kepercayaan.



Nicholas, Tijah, Tiah (2003), dalam *Orang Asli Women and the Forest* pula membincangkan masyarakat Semai terutama wanita dan hutan. Subtopik seperti Orang Asli, Hubungan Semai dengan Alam Persekitaran dan Pembangunan Orang Asli banyak memberikan informasi kepada penyelidik sebagai rujukan. Masyarakat Semai mempunyai hubungan akrab dari aspek fizikal, budaya dan spiritual dengan alam persekitaran. Semai menganggap tanah ialah entiti hidup yang mengandungi spiritual dan kesucian tersendiri. Tanah memberikan jaminan *survival* kepada masyarakat Semai. Selain itu, tanah memberikan makna dan kehidupan kerana tanah mengandungi sejarah dan identiti.

Upacara ritual Semai yang dipanggil *kubuq* (sewang perubatan) menghubungkan antara duniawi dengan alam ghaib. Setiap kali sebelum ritual,





kelengkapan bahan atau sumber hutan yang hanya terdapat di hutan persekitaran perlu disediakan. Antara tumbuhan hutan yang diperlukan dalam proses ritual ialah daun kelapa, bertam, ben canglung, *kijai*, daun manao, serai laut, tanduk rusa, dan bunga mengi.

Pembangunan masyarakat Orang Asli semakin ketara akibat daripada perkembangan ekonomi yang semakin pesat. Pelbagai polisi kerajaan memberikan impak kepada Orang Asli. Antaranya ialah pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat Orang Asli yang kini bertambah baik. Namun begitu, perubahan dari aspek alam semula jadi dan penyekatan tanah tradisi memberikan impak yang ketara terhadap identiti Orang Asli.



Sementara Endicott (2000), *The Batek of Malaysia* dalam *Endangered Peoples of Southeast and East Asia* membincangkan perjuangan Batek De' untuk mempertahankan gaya hidup tradisional mereka. Dalam mengharungi dunia yang berubah, masyarakat Asli Batek De' terbahagi kepada tiga golongan, iaitu golongan yang mempertahankan budaya, golongan asimilasi dan golongan tengah.

Golongan yang memelihara budaya dianggap konservatif. Batek De' yang tinggal di Kelantan dan Pahang bergerak ke kawasan pedalaman Taman Negara untuk mengelak hubungan dengan orang luar. Konservatif Batek De' percaya bahawa mereka perlu meneruskan gaya hidup tradisional, yakni tinggal di hutan dan mengamalkan ritual supaya kehidupan manusia terus aman. Sementara golongan





asimilasi yang menerima perubahan tinggal di Pos Lebir. Golongan tengah pula berusaha untuk mengekalkan identiti Batek De', tradisi dan nilai-nilai teras di samping mengambil peluang pembangunan. Mereka mengekalkan kemahiran tradisi dan menurunkan kepada anak-anak, di samping mempelajari kemahiran baharu yang berguna dalam ekonomi dunia moden. Majoriti Batek De' berada dalam kelompok antara konservatif dan asimilasi. Masyarakat Batek De' menganggap golongan asimilasi sebagai ancaman terhadap kewujudan budaya etnik mereka (Endicott, 2000).

Batek De' juga seperti masyarakat Orang Asli lain mengamalkan sistem kepercayaan yang berasaskan roh. Mereka percaya bahawa, mereka perlu memainkan peranan penting untuk mengekalkan alam sejagat ini dengan cara mendiami di kawasan hutan dan mengamalkan gaya hidup tradisional. Mereka perlu mengekalkan hubungan baik dengan alam ghaib dengan mengadakan upacara ritual. Ritual diketuai oleh pawang atau bomoh yang kemudiannya berada dalam keadaan sawai untuk berinteraksi dengan alam ghaib. Ritual diadakan bagi tujuan perubatan dan juga pada musim buahan.

Howell (1984), menerusi artikel *We People Belong in the Forest*, Chewong *Re-Creations of Uniqueness and Separateness* membincangkan sikap segelintir Chewong dalam menghadapi dunia globalisasi. Walaupun Chewong berjaya dalam bidang ekonomi, namun kebanyakan daripada mereka memilih untuk menjalani kehidupan tradisional dan memilih budaya tradisi yang telah diwarisi daripada nenek moyang terdahulu. Mereka bertindak sedemikian kerana gaya hidup tradisional





tersebut memberikan suatu kehidupan yang lebih bermakna dari aspek sosial, budaya dan nilai norma kaum tersebut. Mereka amat menghargai kebebasan, yakni bebas bergerak berasaskan kepercayaan dan pilihan mereka sendiri.

Pada peringkat permulaan, Chewong amat tertarik terhadap usaha Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) membangunkan masyarakat tersebut. Mereka mula keluar dari kawasan hutan pedalaman untuk memperoleh kemudahan. Beberapa tahun kemudian, mereka mula merasakan kemudahan yang diperoleh banyak mendatangkan keburukan daripada kebaikan. Mereka mula sedar bahawa identiti sosial mereka tergugat, justeru mereka bekerja keras untuk mengekalkan sistem kepercayaan dan gaya hidup tradisional. Mereka berusaha mengekalkan ciri-ciri perbezaan identiti dengan masyarakat dominan. Bagi Chewong, untuk memelihara dan mengekalkan identiti, mereka terpaksa menarik diri daripada godaan dunia globalisasi.

Turut membincangkan upacara ritual dalam kalangan masyarakat Orang Asli ialah Couillard. Couillard (1980), membincangkan upacara ritual Jah Hut dalam *Tradition in Tension: Carving in a Jah Hut Community*. Ritual diadakan apabila tiba musim menuai untuk menjamu roh atau semangat padi. Dalam ritual Jah Hut, patung (seni ukiran kayu) yang dipanggil *sepili* digunakan. *Sepili* mewakili roh-roh tertentu.

Sebelum upacara ritual dijalankan, bahan hutan, seperti daun legong dan daun salak perlu disediakan. Ritual Jah Hut melibatkan nyanyian, tarian dan muzik. Alat muzik yang dibuat daripada tiub buluh (panjang dan pendek) atau *ding galung*





dihentak untuk menghasilkan rentak tertentu bagi mengiringi upacara ritual pengubatan dan juga hiburan.

Ritual pengubatan dalam kalangan Jah Hut dipanggil *Beni' Soy Gelap*. Ritual *Beni' Soy Gelap* diadakan dalam keadaan yang betul-betul gelap. Lazimnya tok pawang mengambil masa selama dua malam berturut-turut sebanyak tiga kali untuk mengubati pesakit. Tok pawang turut mendapat bantuan daripada *ruai* yang dipanggil *jah sla' naho'* untuk mengenal pasti penyakit si pesakit. Peranan penyanyi korus dan hentakan *ding galung* adalah sangat penting untuk membantu bomoh (*pyang*) berada di landasan yang betul. Jika berlaku kesilapan pada lagu dan rentak yang dimainkan, mereka percaya *pyang* akan kehilangan *ruai*, jika *ruai* tidak ditemui dalam jangka masa tertentu, *pyang* akan mati.

Selain ritual untuk mengubati penyakit, terdapat ritual yang sama, dipanggil *Beni' Soy* datuk nenek yang diadakan dalam keadaan terang benderang. Upacara ritual yang sama dengan nama yang berbeza menjadi amalan masyarakat Orang Asli. Amalan ritual tersebut menggambarkan gaya hidup tradisional, adat resam dan sistem kepercayaan mereka.

Norazit Selat (1994), dalam *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu, Jilid 1* membincangkan sistem kepercayaan, animisme. Beliau menyatakan bahawa animisme ialah sistem kepercayaan terhadap kuasa luar biasa pada tumbuhan, bentuk muka bumi dan haiwan. Masyarakat Melayu, sebelum kedatangan Islam dan agama





Hindu percaya bahawa alam ini dihuni oleh pelbagai makhluk halus dan semangat. Mereka percaya semua entiti bernyawa dan tidak bernyawa mempunyai semangat baik atau jahat. Semangat baik atau semangat jahat tersebut hanya menunggu masa yang sesuai untuk mempengaruhi manusia sama ada membawa bencana atau kebaikan. Mereka percaya semangat tersebut perlu dipujuk dan dirayu supaya tidak mengganggu dan membinasakan manusia, justeru upacara ritual merupakan amalan terbaik untuk memujuk semangat tersebut. Upacara ritual akan dijalankan oleh bomoh atau pawang.



Matusky dan Tan, S.B. (1997), Alat Buluh dan Kayu dipukul dan dihentak dalam *Muzik Malaysia: Tradisi Klasik Rakyat dan Sinkretik* memberikan informasi tentang alat muzik idiofon yang diperbuat daripada kayu atau buluh yang terdapat dalam budaya serta tradisi di seluruh dunia. Alat muzik idiofon jenis ini merupakan alat muzik terawal dalam sejarah manusia.

Alat muzik idiofon yang diperbuat daripada buluh secara berpasangan dan dimainkan secara hentakan di atas kayu atau bahan lain terdapat dalam kalangan Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Alat muzik idiofon yang diperbuat daripada buluh terdiri daripada buluh pendek dan buluh panjang, dinamakan *ding galung* oleh Jah Hut. Sementara Temiar memanggil *goh*. Alat muzik ini dimainkan untuk mengiringi upacara ritual menyembuhkan penyakit.





Ritual Jah Hut diiringi nyanyian, dan hentakan buluh semasa pawang (bomoh) mencari *ruai* yang hilang daripada badan pesakit. Korus akan menyanyikan lagu vokal serentak dengan hentakan tiub buluh dengan rentak tertentu. Temiar pula menyanyikan lagu mimpi dengan iringan hentakan tiub buluh. Lagu mimpi tersebut dinyanyikan oleh bomoh dalam ritual menyembuhkan penyakit, perayaan musim menuai, menyambut tetamu dan meraikan majlis-majlis tertentu. Lagu mimpi tersebut dinyanyikan secara berbalas-balas dengan penyanyi korus wanita yang juga pemain tiub buluh.



Tiub buluh pendek dan panjang dimainkan secara berpasangan, buluh panjang menghasilkan bunyi yang rendah dan buluh pendek akan menghasilkan bunyi yang tinggi. Kedua-dua tiub buluh yang dihentak akan menghasilkan rentak tertentu. Kadang kala, rebana dan gong berbusut juga dimainkan untuk menghasilkan bunyi yang bergema.

Marsli N.O (2003), Tarian Sewang dalam *Koleksi Pengenalan Tarian dan Muzik Tradisional* membincangkan tarian *sewang* dalam kalangan Orang Asli di negeri Pahang. Tarian ini diketuai oleh seorang lelaki berusia, yang bertindak sebagai penyanyi utama. Nyanyian beliau akan diselang-seli dengan penyanyi korus. Sementara para penari akan bergerak dalam bentuk bulatan sambil menghentakkan kaki ke lantai. Tarian diiringi dengan alat muzik yang dipanggil buluh *centung*.





Tarian *sewang* lazimnya ditarikan dalam upacara pengubatan tradisi dan pesta keramaian. Para penari akan memakai hiasan yang diperbuat daripada daun pucuk kelapa. Selesai persembahan, daun kelapa tersebut akan disangkut pada dinding dan dibiarkan sehingga kering. Setelah kering, daun tersebut akan dibuang ke dalam lubuk, air terjun atau di mana-mana kawasan yang airnya mengalir deras serta jauh dari tempat laluan orang. Daun hiasan tersebut tidak boleh dilangkahi atau dibakar kerana pantang larang. Jika tidak dituruti, mereka percaya bahawa orang yang melangkahinya akan jatuh sakit atau gila.

Lazimnya tarian *sewang* berlarutan dari lewat malam sehingga ke awal pagi.

Jika dipersembahkan bagi majlis tertentu, persembahan tersebut bergantung kepada pihak penganjur.

Edo (2006), turut membincangkan upacara *sewang* yang menjadi amalan Senoi dan Semang-Negrito. Beliau membincangkan setiap aspek dalam *sewang* seperti tujuan, ketua upacara (*hala'*), penyanyi korus, pemuzik, alat muzik, tempat bersewang dan peserta yang terlibat. Upacara *sewang* diadakan untuk menyembuhkan penyakit, memuja, memulihkan semangat dan sebagai hiburan. Upacara ritual tersebut dijalankan oleh *hala'* dan pawang.

Hala' memperoleh kuasa daripada semangat pembantu yang dipanggil *guniik*. Sementara pawang berkebolehan untuk menghubungi kuasa ghaib yang lebih tinggi seperti keramat. Penyanyi korus terdiri daripada kaum wanita yang menyanyi secara





berselang-seli dengan *hala'*. Pemuziknya terdiri daripada wanita kaum Asli yang juga bertindak sebagai penyanyi korus. *Sewang* diadakan di rumah kediaman biasa ataupun rumah khas yang mempunyai tiga ruang khas, iaitu ruang lapang yang luas di bahagian tengah rumah sebagai tempat menari, di ikuti dengan tempat bermain muzik dan penyanyi korus. Sementara ruang tepi yang mengelilingi ruang menari ialah tempat peserta duduk. Selain itu, pergerakan umum tarian *sewang* turut diperjelaskan oleh Edo. Para penari bergerak dalam bentuk bulatan sambil mengayunkan tangan ke kiri dan ke kanan.

Tema upacara *sewang* mengalami perubahan pada masa ini. Mengikut Edo (2006), lagu-lagu *sewang* pada masa ini digunakan sebagai salah satu saluran untuk menyampaikan maklumat, membangkitkan semangat patriotik, jati diri dan seruan perpaduan. Perubahan tersebut adalah selaras dengan pemodenan dan pembangunan negara. Namun begitu, beliau menyatakan bahawa setiap perubahan dan pembaharuan dalam *sewang* masih berkesan dalam memenuhi fungsi tradisionalnya.

Kepercayaan asas masyarakat Orang Asli, iaitu animisme dibincangkan oleh Ahmad Redzuwan (2008), dalam *Dakwah Masyarakat Orang Asli Negeri Pahang*. Animisme ialah kepercayaan terhadap roh atau semangat pada sesuatu benda bernyawa dan tidak bernyawa. Masyarakat Orang Asli mewarisi kepercayaan ini secara turun-temurun daripada nenek moyang lagi. Masyarakat Senoi, khususnya Semai percaya kepada kewujudan makhluk *supernatural* yang dikenali sebagai Tuhan, malaikat, penunggu dan Tok Engku.





Tarian *sewang* turut disentuh oleh pengarang. Tarian ini ialah tarian tradisional yang diwarisi turun-temurun. Tarian *sewang* bukan sahaja sebagai hiburan bahkan dipersembahkan untuk meraikan tetamu, dan perayaan tertentu. Kumpulan *sewang* lazimnya terdiri daripada 20 orang anggota masyarakat Orang Asli yang diketuai oleh *hala'* atau bomoh yang pandai menyanyi.

Roseman (2003), menerusi artikel *Engaging the Spirits of Modernity* membincangkan aspek modenisasi juga mempengaruhi upacara ritual Temiar. Jika suatu ketika dahulu, *hala'* dalam kalangan Temiar menerima lagu-lagu mimpi dari hutan persekitaran melalui *ruai*, namun selaras dengan pembangunan dan pemodenan negara, *hala'* juga turut menerima lagu-lagu mimpi daripada sumber lain, seperti kapal terbang, pasar dan orang asing.

Beliau memberikan contoh lagu mimpi yang diterima oleh seorang bomoh Temiar daripada roh seorang gadis Cina dari kawasan pembalakan orang Cina dan Melayu. Bomoh atau *hala'* dalam kalangan Temiar juga turut menerima lagu mimpi daripada roh payung terjun, jam tangan dan kapal terbang. Lagu-lagu ritual ini digunakan oleh *hala'* dalam upacara ritual *sewang*. Pencerobohan teknologi dan transformasi ekonomi dalam era moden ini diguna secara meluas dalam keadaan tertentu oleh *hala'* Temiar demi kepentingan mereka.

Roh dari luar kawasan hutan serta entiti yang begitu asing bagi Temiar turut hadir dalam mimpi dan menjalin hubungan sebagai anak dan ayah. Ruang litup





penerimaan lagu ritual menjadi semakin luas. Namun begitu, fenomena ini tidak menyimpang daripada kosmologi Temiar. *Hala'* Temiar menggabungkan pengalaman mereka antara dua gaya kehidupan yang berbeza, iaitu moden dan tradisional serta antara hutan dengan bukan hutan untuk tujuan pengubatan.

Roseman (2000), menerusi artikel *The Canned Sardine Spirit Takes the Mic* juga membuktikan bahawa lagu-lagu ritual bukan sahaja diperoleh dari hutan persekitaran tetapi juga di sebalik alam persekitaran.

'From that space above the rainforest canopy, Temiars now receive dream songs from air planes and parachute drops as they do from birds, from wristwatches as well as pulsing insects. Foreign peoples and things are socialized in dreams, brought into kinship relations as spirit familiar 'child' to the Temiar as parent. Strange people, things and technologies become humanized, even Temiar-ized, their potentially disruptive foreign presence now tapped for use as spirit familiar in ceremony.'

(Roseman, 2000:115-136).

Apabila penyelidik mengutarakan fenomena ini kepada informan dan juga *hala'* Semai, beliau menafikan. Beliau menyatakan bahawa setiap lagu mimpi yang dinyanyikan dalam persembahan atau proses pengubatan adalah daripada entiti alam persekitaran, seperti roh buaya, roh gunung, roh harimau atau roh orang yang telah meninggal dunia.

Hanafi Hussin (2013), menerusi artikel *Bobohizan dan Peranannya di kalangan Masyarakat Kadazan Daerah Penampang Sabah membincangkan peranan Bobohizan suatu masa dahulu dalam kehidupan seharian masyarakat Kadazan di*





daerah Penampang, Sabah. Bobohizan merupakan pengantara antara manusia dengan alam ghaib, justeru beliau sangat dihormati dan disanjung. Dahulu masyarakat Kadazan mengamalkan kepercayaan animisme dan mempraktikkan sistem *egalitarian*, iaitu berpegang kepada konsep kesamarataan dalam kehidupan bermasyarakat.

Mereka percaya akan kewujudan kuasa-kuasa ghaib di alam *supernatural* dan alam *natural*. Setiap ciptaan tuhan yang dipanggil *Manimangun* adalah bernyawa. Manusia dan makhluk ciptaan *Manimangun* haruslah mengamalkan konsep kehidupan yang seimbang dan saling menghormati. Sekiranya konsep dan pegangan hidup tidak diendahkan, pelbagai bencana akan berlaku. Keseimbangan kehidupan antara manusia dengan makhluk di alam ghaib lazimnya diwujudkan dengan perlakuan ritual. Manusia melakukan ritual untuk makhluk di alam ghaib, sebagai balasannya makhluk ghaib tidak akan mengganggu kehidupan manusia. Ritual akan dijalankan oleh Bobohizan.

Kini, peranan Bobohizan hanyalah sebagai ikonografi warisan budaya masyarakat Kadazan.

Piper (1992), dalam *Bamboo and Rattan Traditional, Uses and Beliefs* membincangkan keistimewaan buluh yang menjadi pilihan golongan ketukangan, artis, nelayan dan peladang. Beliau juga menyentuh tentang kawasan Asia Tenggara yang kaya dengan hutan tropika yang menghasilkan makanan, bahan-bahan serat dan





ubatan. Penghasilan buluh dan rotan dari hutan tropika banyak kegunaannya. Selain itu, beliau turut membincangkan penggunaan buluh dan rotan di kawasan yang didiami oleh masyarakat Asli dan *natives* di Asia Tenggara. Buluh dan rotan dipilih kerana beberapa faktor seperti ciri-ciri fizikal, kebingkasan buluh dan mudah diperolehi. Buluh diguna dalam upacara ritual. Kebanyakan alat muzik diperbuat daripada buluh kerana tiub buluh dapat menghasilkan bunyi yang mersik.

Ritual sering dikaitkan dengan muzik. Rouget (1985), dalam *Music and Trance* membuat penganalisaan terhadap muzik dan keadaan bersawai. Hubungan muzik dengan keadaan bersawai amat rapat dalam budaya sesuatu kaum. Rouget mengambil contoh suku kaum Bushmen. Individu tertentu Bushmen yang berada dalam keadaan bersawai melalui muzik dan tarian dapat mengidentifikasi dirinya kepada Tuhan.

Dalam kalangan kaum Bushmen, bomoh yang berada dalam keadaan bersawai dapat mengubati penyakit. Individu yang melakukan proses pengubatan lazimnya kaum lelaki Bushmen yang mempunyai kuasa ghaib. Sebelum proses pengubatan, kuasa ghaib perlu diaktifkan dengan cara menyanyikan lagu ritual, membakar kemenyan dan menari. Keadaan yang sama juga berlaku dalam kalangan Semai.

Hood M.S (1993), menerusi artikel *Man, Forest and Spirits: Images and Survival among Forest Dwellers of Malaysia* membincangkan hubungan hutan dengan manusia. Kajian ini mengambil contoh beberapa kaum Asli di Malaysia





seperti Temuan, Semelai, Penan, Chewong dan Batek Negrito. Kajian Hood juga berkisar tentang hubungan penghuni hutan dengan alam ghaib. Penghuni hutan ini mempunyai hubungan akrab dengan hutan. Hutan merupakan sumber ilmu dan simbol kuasa. Selain itu, hutan juga ialah cara penghuni hutan untuk mengenali dan mengenal pasti diri serta budaya mereka. Apabila berlaku perubahan terhadap hutan persekitaran akibat faktor luar, kehidupan mereka menjadi sukar.

‘If the environment changes, especially due to pressure from external sources, survival becomes difficult and very often the old ‘moral economy’ of life in the forest changes completely’ (Hood M.S, 1993).



Antara penghuni hutan yang menjadi kajian kes Hood ialah Batek Negrito.

Hutan sangat penting bagi gaya hidup tradisional, identiti dan kehidupan Batek Negrito. Batek Negrito percaya untuk memastikan hutan kekal menghasilkan rezeki, ritual efektif dapat membantu proses perantaraan manusia dengan alam ghaib. Hanya individu yang dipanggil *hala* tahu dan memahami selok belok hutan yang dapat menghubungkan mereka dengan alam ghaib.

Situasi yang sama juga berlaku dalam kalangan Semai. Ritual diamalkan oleh Semai demi kesejahteraan hidup serta mengekalkan hubungan baik dengan alam ghaib. Setiap kumpulan Orang Asli yang dibincangkan dalam artikel Hood mempunyai sistem kepercayaan yang sama, iaitu animisme.





Lim Hin Fui (1997), dalam *Orang Asli, Forest and Development* memberikan informasi mengenai pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli yang dikaitkan dengan hutan kepada penyelidik. Selain itu, buku ini juga menjelaskan tindak balas masyarakat Orang Asli terhadap polisi kerajaan terutama pengumpulan dan penempatan semula masyarakat Orang Asli (*regroupment and resettlement*). Lim Hin Fui turut memberikan maklumat tentang komuniti Orang Asli dari perspektif sejarah, iaitu sebelum, semasa dan selepas era penjajahan.

Lim Hin Fui turut menyentuh tentang kehidupan masyarakat Orang Asli masa ini, iaitu era 90-an. Populasi, jenis penempatan, pencapaian pelajaran, ekonomi, pemilikan tanah, kemiskinan, kepercayaan, kemudahan asas, dan kesihatan Orang Asli turut dibincangkan. Masyarakat Orang Asli telah mengalami perubahan besar dari aspek sosial, ekonomi dan kepercayaan.

Kini, proses pembangunan dan pemodenan negara memberikan impak kepada ekonomi orang Asli. Penerokaan hutan untuk tujuan pembangunan telah memaksa suku kaum Asli tidak bergantung pada hutan sepenuhnya. Kerajaan menyediakan beberapa rancangan seperti mengumpul dan menempatkan semula masyarakat Orang Asli melalui Rancangan FELDA (*Federal Land Development Authority*) bagi meningkatkan taraf kehidupan mereka. Lim Hin Fui turut memberikan beberapa cadangan untuk pembangunan jangka panjang masyarakat Orang Asli.





Sementara Ismail Said dan Hussin Abdullah (2009), dalam Pengajian Sosial 2 membincangkan tiga kaum utama dan subkumpulan Orang Asli serta taburan Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Selain itu, aktiviti ekonomi Orang Asli di Semenanjung Malaysia serta sosio-budaya mereka turut dibincangkan. Masyarakat Orang Asli terbahagi kepada tiga kumpulan terbesar, iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto (Melayu Asli). Mengikut Ismail Said dan Hussin Abdullah, jumlah masyarakat Orang Asli sehingga tahun 2000 ialah 113,541 orang. Senoi merupakan kumpulan Orang Asli yang terbesar di Semenanjung Malaysia, iaitu 51.74% daripada jumlah keseluruhan Orang Asli. Semai daripada kaum Senoi mencatatkan jumlah yang tertinggi mengikut bancian 1993, iaitu sebanyak 26,070 orang. Dipercayai Semai berasal daripada Mon Khmer dan mempunyai bahasa pertuturan yang sama dengan kaum Vedda.

Sementara jumlah Negrito adalah paling kecil, iaitu 21,972 orang. Para sejarawan berpendapat bahawa Negrito merupakan kumpulan terawal datang ke Semenanjung Malaysia, iaitu kira-kira 25,000 tahun dahulu. Melayu Proto mempunyai tujuh subkumpulan. Dipercayai Orang Asli Melayu Proto berketurunan Indo China bertutur dalam Mon-Annam.

Ekonomi masyarakat Orang Asli di Semenanjung adalah berasaskan alam sekitar. Mereka terlibat dengan aktiviti pertanian sara diri, perburuan, menangkap ikan dan mengumpul hasil hutan. Kaum Asli di Semenanjung Malaysia masih mengamalkan animisme, iaitu sistem kepercayaan berasaskan roh.





Pembangunan masyarakat Orang Asli turut disentuh. Pelbagai usaha dirancang untuk membangun dan memajukan masyarakat Orang Asli. Antara yang dijalankan ialah menyusun semula struktur kehidupan masyarakat Orang Asli, menggalakkan mereka menyertai skim pembangunan tanah seperti FELDA atau FELCRA, membina sekolah di kawasan petempatan Orang Asli dan menyediakan biasiswa.

Informasi daripada buku ini membantu penyelidik mengemas kinikan tesis terutama tentang kehidupan, kepercayaan dan pembangunan sosio ekonomi masyarakat Orang Asli.



Siti Aminah (2015) dalam *Kajian Amalan Budaya Orang Asli Suku Kaum Jakun di Kampung Peta* membincangkan warisan budaya Jakun di Kampung Peta yang terletak di kawasan Endau-Rompin. Beliau membincangkan jenis budaya material yang terdiri daripada tarian, nyanyian, kraftangan dan bukan material, iaitu agama, sistem kepercayaan dan perubatan. Beliau juga turut membincangkan warisan budaya Jakun yang perlu dikekalkan melalui pengkomersialan produk budaya, memperkasa dan meningkatkan kebolehan kaum Jakun, memberikan pendedahan khusus, galakan serta insentif dan juga mewujudkan Rumah Budaya.

Masyarakat Jakun di Kampung Peta mengamalkan adat dan budaya yang berteraskan kepercayaan animisme. Adat resam dan budaya mereka berkait rapat dengan alam ghaib. Hutan merupakan nadi kehidupan kaum Jakun sejak dahulu





hingga kini. Mereka percaya alam persekitaran perlu dijaga supaya kuasa ghaib, roh, penunggu, dewa atau tuhan mereka tidak marah. Kemarahan kuasa ghaib akan membawa bencana. Oleh sebab itu, kaum Jakun sangat menghormati alam sekitar dan sentiasa menjalin hubungan yang harmoni dengan persekitaran mereka. Hal tersebut mempunyai persamaan dengan kehidupan Semai di Kampung Bukit Terang.

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam Kehidupan, Budaya dan Pantang Larang Orang Asli (2002), membincangkan kehidupan dan adat budaya yang diamalkan oleh setiap suku kaum Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Menerusi subtopik Semai, penyelidik memperoleh informasi tentang penempatan Semai yang kebanyakannya mendiami di kawasan Perak Tengah dan Selatan serta Pahang Barat. Pelbagai jenis perayaan Semai turut dimuatkan dalam buku ini. Gaya hidup, penempatan, pantang larang dan kepercayaan Semai juga dibincangkan.

Dahulu kehidupan Semai berpindah dari satu tempat ke satu tempat dengan tujuan mencari tempat baharu untuk berladang, ataupun berpindah kerana kematian atau wabak penyakit. Secara tradisi, Semai hidup dalam kumpulan kecil, iaitu 10 hingga 50 kelamin. Ekonomi mereka berasaskan pertanian sara diri. Aktiviti memburu binatang yang hanya dilakukan oleh kaum lelaki merupakan sumber makanan selain ikan. Mereka juga mencari sumber hutan seperti rotan, damar, buluh dan cendana untuk dijual. Kini, keadaan berubah mengikut perubahan masa. Terdapat Semai yang bekerja dengan kerajaan, swasta dan berniaga untuk menyara kehidupan.





Sistem kepercayaan berasaskan alam ghaib serta proses pengubatan *sewang* juga dimuatkan dalam bab ini. *Sewang* dijalankan oleh bomoh selama tiga hingga tujuh hari. Namun begitu, masyarakat Semai kini juga menerima rawatan moden. Kadang kala dalam sesuatu keadaan tertentu, mereka menggunakan kedua-dua cara rawatan serentak.

Komodifikasi Budaya Orang Asli Dalam Pelancongan: Kelestarian Identiti Budaya Komuniti Orang Asli di Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Air Banun, Gerik, Perak oleh Qayherah (2015) menyentuh tentang penglibatan Orang Asli di penempatan ini dalam industri pelancongan. Mereka menggunakan pakej budaya tradisional sebagai satu komoditi untuk tarikan pelancong. Oleh sebab itu, komuniti Asli di kawasan penempatan ini memelihara dan mempertahankan budaya mereka,

Masyarakat Orang Asli di RPS Air Banun menggunakan pelbagai strategi untuk menyeimbangkan antara aktiviti pelancongan dengan keperluan mempertahankan kelestarian identiti budaya. Beliau berpendapat aktiviti pelancongan di kawasan Orang Asli Air Banun boleh dibangunkan dengan memelihara dan mengekalkan identiti budaya.

Melalui pelancongan budaya tersebut, Orang Asli di RPS Air Banun dapat menjana pendapatan dan bersikap lebih berdikari. Namun begitu, kebudayaan tradisional mereka tetap terpelihara. Masyarakat Semai juga berusaha untuk mengekal dan mempertahankan amalan *siwang* mereka melalui pembudayaan *siwang*. *Siwang*





dipersembahkan dalam bentuk budaya untuk tujuan mengekalkan identiti etnik dalam kalangan masyarakat dominan serta mempertahankan hak milik.

Mohamad Zain Musa dan Nik Hassan Shuhaimi (2010) membincangkan peranan budaya dalam mempromosikan keamanan dan keharmonian antara pelbagai kaum dan masyarakat. Budaya boleh dibahagikan kepada budaya nyata dan budaya tidak nyata. Antara budaya tidak nyata ialah sistem kepercayaan, tarian, muzik, bahasa dan makanan. Asia Tenggara kaya dengan pelbagai warisan budaya. Negara membangun seperti di Asia Tenggara penting untuk mengekalkan dan mengembangkan tradisi budaya asli yang sudah diwarisi turun-temurun.



Penyebaran agama Islam pada abad ke 13 hingga 14 telah menyebabkan perubahan budaya dan agama. Kini, kemunculan revolusi teknologi dan komunikasi turut memperkenalkan budaya baharu, iaitu kesekataan budaya. Budaya sekata berasal daripada budaya yang kuat. Hal tersebut meninggalkan impak buruk kepada budaya minoriti yang sememangnya sudah terpinggir. Oleh itu, penulis menegaskan bahawa pendemokrasian budaya adalah sangat penting dalam negara yang mempunyai pelbagai bangsa walaupun terdapat banyak halangan. Masyarakat minoriti perlu mencari jalan untuk menghadapi pemodenan tanpa merosakkan budaya etnik.

Antara cara untuk mencapai demokrasi budaya adalah melalui keupayaan kasih-mengasihi antara satu sama lain, menerima perbezaan budaya dan bersikap toleran (Mohamad Zain Musa & Nik Hassan Shuhaimi, 2015). Selain itu, kerjasama





antara peringkat kebangsaan dan antarabangsa juga dapat membantu usaha untuk mempromosikan budaya tradisional. Begitu juga dengan masyarakat Semai di perkampungan Bukit Terang, mereka perlu berusaha untuk mengekal dan mengembangkan budaya tradisi dalam dunia moden, terutama *siwang* tanpa merosakkan keunikan tradisi tersebut.

Carlin (1987), memperkenalkan dan membincangkan muzik kaum *Indians* di Utara Amerika melalui salah satu subtopik yang terdapat dalam buku *Man's Earliest Music*. Terdapat pelbagai budaya yang berbeza dalam kalangan kaum *Indians*, namun begitu dari aspek muzik masih terdapat banyak persamaan. Muzik ialah sebahagian daripada sistem kepercayaan. Muzik memainkan peranan penting dalam pelbagai upacara ritual kaum *Indians*. Ritual lazimnya diiringi dengan muzik vokal, alat muzik yang bergetar dan gendang. Repertoir lagu vokal dipercayai diperoleh dari dunia spiritual, yakni bukan dicipta tetapi pemberian daripada roh-roh tertentu. Lagu vokal bukan sahaja digunakan untuk upacara ritual bahkan selepas musim menuai, aktiviti sosial dan perayaan-perayaan lain.

Lagu-lagu vokal lazimnya didominasi oleh kaum lelaki *Indians*. Lirik lagu lazimnya terdiri daripada silabel yang tidak difahami, tetapi bermakna kepada roh-roh tertentu. Lagu-lagu ritual diiringi dengan gendang dan bersifat monofonik. Melodinya pendek dan berulang-ulang. Lagu ritual dinyanyikan secara berbalas-balas antara pemimpin dengan kumpulan penyanyi.





Antara kaum *Indians* yang dibincangkan dalam artikel tersebut ialah Blackfoot subkumpulan *The Plains Indians* yang mendiami kawasan barat Montana dan selatan Kanada. Lagu-lagu vokal bukan sahaja menyatu padukan kaum ini bahkan membantu mengenal pasti identiti istimewa mereka. Lagu-lagu ritual adalah sangat penting bagi kaum Blackfoot. Repertoir lagu ini juga diperoleh daripada mimpi.

Di samping itu, Carlin juga turut membincangkan kaum *Indians* pada masa ini. Masyarakat dominan dan budaya asing kini mempengaruhi gaya kehidupan mereka. Terdapat kalangan kaum *Indians* yang menyertai dunia masyarakat dominan di kota dan di kawasan pinggir bandar, bekerja di bandar serta mengabaikan kepercayaan turun-temurun. Impak tersebut juga berlaku kepada muzik. Muzik dalam kalangan kaum *Indians* turut mengalami perubahan. Banyak kaum *Indians* dihapuskan dan ritual mereka juga hilang. Budaya kaum *Indians* kini bergantung kepada sikap mereka sendiri, sama ada untuk menyesuaikan dan berubah mengikut evolusi masa atau untuk terus berpegang kepada sistem kepercayaan turun-temurun.

Terdapat banyak persamaan dari aspek muzik bagi kaum *Indians* dan Semai. Situasi kaum *Indians* hari ini juga mempunyai persamaan dengan Semai di Kampung Bukit Terang khususnya dan Semai keseluruhannya. Pengekalan sistem kepercayaan tradisional, gaya hidup tradisional dan amalan adat resam dalam kalangan kaum *Indians* serta Semai banyak bergantung pada sikap dan usaha mereka sendiri.





1.10 Organisasi Kajian

Bab 2 bermula dengan pengenalan (latar belakang) masyarakat Orang Asli secara keseluruhan. Bab ini menjelaskan pengiktirafan seseorang individu sebagai Orang Asli berasaskan kriteria yang digalurkan oleh pihak pemerintah. Diikuti dengan tiga rumpun Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Perbincangan merangkumi lokasi kependudukan, dan asal usul secara ringkas.

Seterusnya, bab ini memberi fokus kepada Semai, terutama Semai di Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak. Perbincangan berkisar tentang latar belakang, kosmologi, gaya kehidupan, kebudayaan, dan kepimpinan.

Bab 3 menyentuh tentang *siwang*, (*Siwang Kebut* dan *Siwang Asik*), iaitu upacara ritual masyarakat Semai di Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak. Perbandingan kedua-dua jenis *siwang* dibincangkan dalam bentuk jadual. Perbincangan juga merangkumi proses ritual *siwang* dalam kalangan Semai di Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak. Asal usul, pengenalan, tujuan dan fungsi, para peserta yang terlibat termasuk *hala'*, *biduan* serta sumber hutan turut diperincikan.

Bab 4 ialah Alat muzik dalam *siwang*. Perbincangan adalah tentang alat-alat muzik yang dimainkan dalam *Siwang Kebut* dan *Siwang Asik*. Penulisan merangkumi pengelasan alat muzik, diskripsi rupa bentuk, pembuatan, *material* yang digunakan,





motif hiasan, teknik bermain, penghasilan ton, dan timbre. Selain itu, beberapa kemungkinan lain yang berkaitan dengan alat muzik tersebut seperti pantang larang, penjagaan, perlambangan dan perkaitan bunyi alat muzik tersebut dengan emosi tertentu juga akan dibincangkan.

Bab 5 merangkumi Lagu-lagu Mimpi *Siwang Asik*. Bab ini menjelaskan sumber lagu ritual, dan elemen muzik yang terdapat dalam ritual *siwang*. Transkripsi lagu *Siwang Asik* dan analisisnya turut dimuatkan dalam bab ini.

Bab 6 membincangkan perubahan-perubahan yang terdapat dalam upacara ritual *siwang*. Faktor-faktor yang memberikan impak kepada *siwang* turut dibincangkan dalam bab ini. Selain itu, komersialisasi *Siwang Asik* turut dibincangkan dalam bab ini. Selain budaya, *Siwang Asik* juga telah menjadi sumber pendapatan Semai menerusi Kumpulan Bah Lut pada masa ini.

Bab 7 Kesimpulan.

